# PEKA

PERTUBUHAN PELINDUNG KHAZANAH ALAM

**Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam**

MALAYSIA

## The Association for the Protection of Natural Heritage Malaysia

# Kandungan


PERARAKAN AMAN KE PARLIMEN 'WALK TOWARDS A BETTER ENVIRONMENT' PADA 18 JULAI 2019

1. PENYAHWARTAAN HUTAN SIMPAN KUALA LANGAT UTARA (HUTAN GAMBUT) 2300 EKAR

2. KEMATIAN HARIMAU MALAYA DI MERSING DAN KEBERKESANAN KEMPEN SAVE TIGER DENGAN BAJET RM20 JUTA

3.RAMSAR

4. PEMBALAKAN BAGI TANAMAN DURIAN MUSANG KING

5. APAKAH STATUS KAWASAN GEOPARK YANG TELAH/AKAN DIWARTAKAN BERIKUT?

6. MASALAH PEMBALAKAN & PERTANIAN DI TANAH TINGGI

7. PERLOMBONGAN & PEMBALAKAN MELIBATKAN KEMUSNAHAN KUALITI & KEJATUHAN PENDAPATAN TASIK AIR TAWAR/TADAHAN AIR/KESTABILAN SUHU/EKO SISTEM/NELAYAN DARAT:

8. AKTIVITI PERLOMBONGAN ION ORE/NADIR BUMI/MANGANESE

9. ISU PENAMBAKAN LAUT

10. LAMBAKAN SISA PLASTIK DUNIA

11. KEBERKESANAN CENTRAL FOREST SPINE DENGAN BAJET YANG TELAH DIKELUARKAN SEBANYAK RM150 JUTA

12. PERHILITAN/HIDUPAN LIAR

13. TUNTUTAN TANAH ADAT ORANG ASLI KAMPUNG TASIK ASAL CUNEX HULU DENLAK, GERIK PERAK

14.MASALAH SUNGAI MATI

15. ISU PEMBALAKAN DI KEDAH

16. PEMBALAKAN DI HS BUKIT IBAM

17. EMPANGAN PONTIAN TERANCAM

18. ANCAMAN PENCEMARAN HILIR SUNGAI KLANG

19.PERMOHONAN PROSES PEWARTAAN KELUAR HUTAN SIMPAN DI TERENGGANU

CADANGAN DARI PEKA MALAYSIA

TUNTUTAN PEKA MALAYSIA KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN

# PERARAKAN AMAN KE PARLIMEN
# '*WALK TOWARDS A BETTER ENVIRONMENT*'
# PADA 18 JULAI 2019

- PEKA Malaysia telah mengadakan satu perarakan aman ke Parlimen yang dihadiri  oleh lebih 200 peserta yang terdiri daripada masyarakat Orang Asli dan aktivis yang bertujuan untuk menyampaikan Memorandum bersama cadangan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Akta Perhutanan Negaran 1984 [*Akta 313*].
- Cadangan pindaan-pindaan tersebut adalah suatu keperluan yang amat mendesak buat masa ini kerana peruntukan-peruntukan sedia ada sudah lapuk dan tidak dapat menangani perkembangan semasa dalam isu-isu kesalahan terhadap alam semulajadi. Pindaan terakhir dilakukan pada tahun 1993.
- Pengerusi PEKA turut menyerahkan memorandum tersebut kepada Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Tengku Zulpuri Shah Raja Puji di luar pagar Parlimen.

# CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

- Sejajar dengan keperluan mendesak untuk melindungi hak-hak rakyat Malaysia di bawah Perlembagaan Persekutuan, maka adalah dicadangkan agar Perlembagaan Persekutuan dipinda bagi mengiktiraf hak setiap rakyat terhadapt persekitaran alam sekitar yang tidak memudaratkan kesihatan dan kesejahteraan.
- Pindaan ini juga akan memasukkan peruntukkan baharu sebagai usaha Kerajaan untuk memastikan setiap Negeri-Negeri supaya bertanggungjawab dalam melindungi, menjaga dan memelihara alam sekitar, perhutanan dan hidupan liar di negara ini.

# CADANGAN PINDAAN AKTA PERHUTANAN NEGARA [*AKTA 313*]

- Pengukuhan peruntukan bagi memenuhi keperluan semasa dan juga penjagaan kelestarian alam sekitar.
- Meminda dan mengimbangi kuasa Pihak Berkuasa Negeri yang sangat luas di bawah peruntukan sedia ada untuk menjaga kelestarian alam sekitar yang semakin terancam pada masa kini.
- Pindaan untuk mengenakan hukuman yang lebih berat terhadap pelaku jenayah alam sekitar antara lain denda sehingga sepuluh juta ringgit dan hukuman penjara dari 5 hingga 30 tahun.
- Penubuhan Majlis Pakar Perhutanan Negeri untuk menjadi penasihat kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam hal-hal berkaitan perhutanan supaya segala kesan dan impak daripada keputusan yang dibuat berkaitan perhutanan dapat dilihat secara menyeluruh.


RETURN FORESTS TO OUR CHILDREN
KEMBALIKAN HUTAN
WE DEMAND FOR A BETTER ENVIRONMENT!
STOP KILLING NATURE!
WE WANT A FAR SIGHTED GOVERNMENT!



# 1. PENYAHWARTAAN HUTAN SIMPAN KUALA LANGAT UTARA (HUTAN GAMBUT) 2300 EKAR

- Bantahan penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara berkeluasan 930.3 hektar.


5.5 juta tan pelepasan karbon dioksida jika Hutan Simpan Kuala Langat Utara dimusnahkan.
Global Environment Centre, 2020
Bantah penyahwartaan dan kekalkan Hutan Simpan Kuala Langat Utara
http://chng.it/gW2c5HXPBj

malaysiakini
terkini untuk anda




BERITA

1.4K SHARES

# Orang Asli berdemo mohon MB selamatkan Hutan Kuala Langat

Yasmin Ramlan
Diterbitkan 26 Feb 2020, 1:17 pm

A+ A-

# Ganti Hutan Simpan Kuala Langat Utara

Share Tweet

MyMetro › Mutakhir




AMIRUDIN pada sidang media mengenai Hutan Simpan Kuala Langat Utara. FOTO Faiz Anuar

Norzamira Che Noh
am@hmetro.com.my

Mutakhir

MALAYSIA MD dateline Terkini & Tepat

Berita Negeri Rencana Kolumnis Antarabangsa Pencerahan DatelineTV Sukan




# Lapan sebab mengapa perlu bantah pemansuhan Hutan Simpan Kuala Langat Utara

PERSATUAN AKTIVIS SAHABAT ALAM (KUASA) February 19, 2020 4:08 pm

Isnin, 1 Jun 2020 - 7:57AM

BH ONLINE

BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA WANITA HUJUNG MINGGU SETULUS IKH

BERITA » Wilayah
Rabu, 19 Februari 2020 | 5:08pm




# Tarik balik cadangan mansuh hutan simpan

Oleh Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my

Share Tweet

# Surat bantahan PEKA Malaysia

**PERTUBUHAN PELINDUNG KHAZANAH ALAM MALAYSIA**
ORGANIZATION FOR THE PRESERVATION OF NATURAL HERITAGE MALAYSIA

(Reg. Num. PPM-028-10-24022011)
No15, Jalan Akuatik 13/77c, D'kayangan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel :+6 03-5512 1006 | Fax : +6 03-5511 1669 | Email : hello@pekamalaysia.org | website: www.pekamalaysia.org

Rujukan kami : Peka/gen/2020 (002)
Tarikh : 18 Februari 2020

Tn. Hj. Mohd Ridzuwan B. Endot
Pengarah Perhutanan Negeri
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor
Tingkat 3
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40660 Shah Alam, Selangor

Tuan,

**BANTAHAN PENYAHWARTAAN HUTAN SIMPAN KUALA LANGAT UTARA BERKELUASAN 930.3 HEKTAR**

Saya selaku Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam (PEKA) Malaysia mewakili semua ahli jawatankuasa pertubuhan kami membantah cadangan untuk penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara dan pengeluaran geran tanah yang butir-butirnya adalah seperti berikut:-

Daerah: Kuala Langat

Mukim: Tanjung Dua Belas

No. Pelan: PHN.SEL.01/98/1 Bil. (33) yang dipamerkan di Pejabat Pengarah Perhutanan Negeri Selangor dan Pejabat Hutan Daerah Pantai Klang, Tingkat 2, Bangunan Pejabat Daerah, 41000 Kelang.

Keluasan: 930.93 hektar

Tujuan: Projek untuk tujuan pembangunan bercampur.

Alasan- alasan bagi menyokong bantahan kami adalah seperti berikut:

1. Kawasan yang terlibat adalah Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS 1) dengan biodiversiti yang unik dan harus dilindungi termasuk Tupai Pigmy yang hanya boleh dijumpai di kawasan terbabit;

2. Kawasan yang terlibat merupakan satu-satunya kawasan berhutan yang tinggal di daerah Kuala Langat serta merupakan "green lung" bagi kawasan tersebut dan mukim-mukim sekelilingnya serta Negeri Selangor yang hanya mempunyai 32% kawasan yang diliputi hutan.

3. Kawasan terlibat adalah kawasan yang sensitif alam sekitar dari segi hutan tanah gambut dan sebagai kawasan sensitif bagi tadahan air bawah tanah;

4. Kawasan terlibat juga merupakan kawasan rayau Orang Asli bagi 7 buah kampung Orang Asli suku kaum Temuan di situ;

**PERTUBUHAN PELINDUNG KHAZANAH ALAM MALAYSIA**
ORGANIZATION FOR THE PRESERVATION OF NATURAL HERITAGE MALAYSIA

(Reg. Num. PPM-028-10-24022011)
No15, Jalan Akuatik 13/77c, D'kayangan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel :+6 03-5512 1006 | Fax : +6 03-5511 1669 | Email : hello@pekamalaysia.org | website: www.pekamalaysia.org

5. Kehilangan hutan simpanan tersebut akan menguntungkan segilintir pihak sahaja jika dibandingkan dengan kesan masa panjang yang akan memudaratkan penduduk Negeri Selangor. Jelas bahawa penyahwartaan hutan simpanan terbabit dan pengeluaran geran tanah adalah tidak dibuat bagi kebaikan awam (against public interest) malah hanya untuk kepentingan dan keuntungan pihak-pihak tertentu sahaja.

6. Tiada sebarang langkah mitigasi alam sekitar yang dirancang bagi memastikan kerosakan alam sekitar dapat dikawal atau ditahan jika hutan yang terlibat dibersihkan bagi tujuan pembangunan bercampur seperti dicadangkan.

7. Kami amat berharap penyahwartaan ini tidak berlaku memandangkan kawasan hutan tersebut merupakan kawasan hutan gambut dan bakau kedua terpenting di Selangor selepas Hutan Simpan Raja Musa serta kawasan tersebut juga merupakan kawasan rayau bagi orang asli suku Temuan yang berjumlah empat ribu orang.

Bersama-sama di sini kami sertakan salinan dokumen-dokumen dan keratin akhbar yang menjadi sumber maklumat bagi menyokong bantahan pihak kami.

Sekian, terima kasih

***See Nature, See Life***

Yang benar,

**PPj (PA) PUAN SRI TO' PUAN DATUK SHARIFFA SABRINA SYED AKIL**
**Presiden PEKA Malaysia**

**SK.** 1. **YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI**
**Dato' Menteri Besar Selangor**
**Pejabat Menteri Besar Selangor,**
**Tingkat 21,**
**Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,**
**40503 Shah Alam, Selangor**

2. **YB DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR**
**Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli**
**Kementerian Air, Tanah Dan Sumber Asli**
**Wisma Sumber Asli, No.25 Persiaran Perdana, Presint 4,**
**62574 Putrajaya, Malaysia**

**PERTUBUHAN PELINDUNG KHAZANAH ALAM MALAYSIA**
ORGANIZATION FOR THE PRESERVATION OF NATURAL HERITAGE MALAYSIA

(Reg. Num. PPM-028-10-24022011)
No15, Jalan Akuatik 13/77c, D'kayangan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel :+6 03-5512 1006 | Fax : +6 03-5511 1669 | Email : hello@pekamalaysia.org | website: www.pekamalaysia.org

3. **YB YEO BEE YIN**
**Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim**
**Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim (MESTECC)**
**Aras 1-7, Blok C4 & C5, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62662 Putrajaya**

4. **YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L PONNUSAMY**
**Menteri di Jabatan Perdana Menteri**
**(Perpaduan Negara & Kesejahteraan Sosial)**
**Pejabat Menteri**
**Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional**
**(Jabatan Perdana Menteri)**
**Aras 3, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra,**
**Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,**
**62502 Putrajaya**

5. **YANG BERHORMAT TUAN HEE LOY SIAN**
**Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna.**
**Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,**
**Tingkat 2, Bangunan SSAAS,**
**40503 Shah Alam, Selangor**

6. **YBHG. PUAN NORLIN BT JAAFAR**
**Ketua Pengarah**
**Jabatan Alam Sekitar**
**Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim (MESTECC)**
**Aras 1 – 4, Podium 2 & 3, Wisma Sumber Asli**
**No.25, Persiaran Perdana, Precint 4**
**Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan**
**62574 Putrajaya, Malaysia.**

7. **YBHG. PROFESOR DR. JULI EDO**
**Ketua Pengarah**
**Jabatan Kemajuan Orang Asli**
**Tkt. 3, 5, 20 & 20m, West Block,**
**Wisma Golden Eagle Realty,**
**142-c, Jalan Ampang,**
**50548 Kuala Lumpur.**

8. **YBHG. DATO' ABDUL KADIR BIN ABU HASHIM**
**Ketua Pengarah**
**Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia**
**Km 10, Jalan Cheras**
**56100 Kuala Lumpur**

**9. YBHG. DATO' MOHD RIDZA B. AWANG**
**Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia**
**Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia**
**Jalan Sultan Salahuddin,**
**50660 Kuala Lumpur**

**10. YBHG. PUAN LATHEEFA KOYA**
**Ketua Pesuruhjaya**
**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)**
**Ibu Pejabat SPRM**
**No. 2, Lebuh Wawasan,**
**Presint 7, 62250 Putrajaya.**

**PERTUBUHAN PELINDUNG KHAZANAH ALAM MALAYSIA**
ORGANIZATION FOR THE PRESERVATION OF NATURAL HERITAGE MALAYSIA
(Reg. Num. PPM-028-10-24022011)
No15, Jalan Akuatik 13/77c, D'kayangan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel :+6 03-5512 1006 | Fax : +6 03-5511 1669 | Email : hello@pekamalaysia.org | website: www.pekamalaysia.org

**Senarai nama Ahli jawatankuasa Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam (PEKA) Malaysia**

1. **YBhg. PPj (PA) Puan Sri To' Puan Datuk Shariffa Sabrina Binti Syed Akil, Presiden**
2. **Encik Saha Deva, Naib Presiden 1**
3. **Puan Sophine Tann, Naib Presiden 2**
4. **Puan Asmarani Bidin, Setiausaha Agung**
5. **Puan Zarinah Bagum, Penolong Setiausaha Agung**
6. **Encik Daniel Wong, Bandahari Kehormat**
7. **Cik Haryati Harudin, Exco**
8. **Encik Arvind Randahwa, Exco**
9. **Puan Paizah Fuller, Exco**
10. **Encik Damien Thanam, Exco**
11. **Encik Asyraf Rahim, Exco**
12. **YM Tengku Loreta, Exco**
13. **Puan Pamela Sak, Exco**
14. **Encik Jasbir Singh, Exco**

PERTUBUHAN PELINDUNG KHAZANAH ALAM MALAYSIA
ORGANIZATION FOR THE PRESERVATION OF NATURAL HERITAGE MALAYSIA

(Reg. Num. PPM-028-10-24022011)
No15, Jalan Akuatik 13/77c, D'kayangan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel :+6 03-5512 1006 | Fax : +6 03-5511 1669 | Email : hello@pekamalaysia.org | website: www.pekamalaysia.org

**Lampiran:**

1. **Notis Pemberitahuan**



RABU, 5 FEBRUARI, 2020

228 Notis/Tender Kerajaan | 228 Notis/Tender Kerajaan | 228 Notis/Tender Kerajaan | 228 Notis/Tender Kerajaan

**JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR**

JADUAL
KAEDAH-KAEDAH PENYIASATAN AWAM (SELANGOR) 2014

**NOTIS PENYIASATAN AWAM DI BAWAH SEKSYEN 11
AKTA PERHUTANAN NEGARA ENAKMEN (PEMAKAIAN) 1985**
(Subkaedah 7(2))

Menurut seksyen 11 Akta Perhutanan Negara Enakmen (Pemakaian) 1985 [Enakmen 511985], dengan ini diberitahu bahawa terdapat cadangan untuk mengeluarkan tanah dari kawasan Hutan Simpan Kuala Langat Utara yang mempunyai butiran dan tujuan pengeluaran seperti berikut:

Daerah : Kuala Langat
Mukim : Tanjung Dua Belas
No. Pelan : PHN.SEL.01/98/1 Bil. (33) yang dipamerkan di Pejabat Pengarah Perhutanan Negeri Selangor dan Pejabat Hutan Daerah Pantai Klang, Tingkat 2, Bangunan Pejabat Daerah,41000 Kelang.
Keluasan : 930.93 hektar
Tujuan : Projek untuk tujuan pembangunan bercampur

Sehubungan dengan itu, mana-mana orang dalam Daerah Kuala Langat yang mempunyai kepentingan boleh mengemukakan bantahan terhadap cadangan tersebut dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penyiaran notis ini.

Bantahan secara bertulis hendaklah ditujukan kepada:

PENGARAH
JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR
TINGKAT 3, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
40660 SHAH ALAM, SELANGOR

PERTUBUHAN PELINDUNG KHAZANAH ALAM MALAYSIA
ORGANIZATION FOR THE PRESERVATION OF NATURAL HERITAGE MALAYSIA

(Reg. Num. PPM-028-10-24022011)
No15, Jalan Akuatik 13/77c, D'kayangan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel :+6 03-5512 1006 | Fax : +6 03-5511 1669 | Email : hello@pekamalaysia.org | website: www.pekamalaysia.org

2. **Kawasan Sensitif Alam Sekitar 1 (KSAS 1)**



SEPANG A4-87

**4 | STRATEGI PEMBANGUNAN**
**RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN SEPANG 2025**

**S6-1 PERLINDUNGAN DAN PENGEKALAN SEPENUHNYA DI KAWASAN KSAS TAHAP 1**

**LOKASI & KELUASAN TAPAK**

| | |
|---|---|
| Lokasi | i. Hutan Simpan Kuala Langat.<br>ii. Hutan Paya Bakau (Sg. Sepang Kecil & Sg. Sepang Besar<br>iii. Kawasan Berkecerunan Melebihi 35° |
| Lot | - |
| Keluasan | 7,134.77 ekar |

**DESKRIPSI CADANGAN**

- Kawasan KSAS tahap 1 ini mempunyai kepelbagaian geologi dan ekosistem. Mengenalpasti kaedah untuk memulihkan keadaan hutan bakau dan menjalankan kerja-kerja penanaman semula pokok paya bakau di yang telah musnah.
- Tiada sebarang aktiviti pembangunan bersifat perbandaran, pertanian atau pembalakan yang dibenarkan kecuali aktiviti yang mempunyai impak yang minima seperti eko-pelancongan, penyelidikan dan pendidikan di dalam lingkungan 'carrying capacity' setempat.
- Pemuliharaan, Perlindungan dan pengekalan di kawasan KSAS Tahap 1 di mana jenis dan intensiti pembangunan perlu tertakluk kepada ciri-ciri halangan.
- Perlu mematuhi keperluan kawalan pembangunan yang telah ditetapkan.

**JUSTIFIKASI** The star

- Pengekalan dan pemuliharaan kawasan hutan simpan dan hutan paya bakau adalah perlu bagi keseimbangan eko-sistem kawasan rancangan tempatan.
- Hutan Simpan Kuala Langat merupakan kawasan tanah gambut yang perlu dikawal bagi keseimbangan ekologi. Kawasan tanah gambut berkepentingan sebagai kolam takungan semulajadi, sumber air bawah tanah, berupaya untuk menyimpan karbon yang banyak sekaligus dapat membantu menstabilkan alam sekitar dengan memperlahankan pemanasan global.

| AGENSI PELAKSANA | FASA PEMBANGUNAN | |
|---|---|---|
| Jabatan Perhutanan, JPBD, PTD, JPS, JKR dan MPSepang | Fasa 1 (2016-2018) | ☑ |
| | Fasa 2 (2019-2021) | ☑ |
| | Fasa 3 (2022-2025) | ☑ |

**RAJAH A48**
PERLINDUNGAN DAN PENGEKALAN SEPENUHNYA DI KAWASAN KSAS TAHAP 1

**PERTUBUHAN PELINDUNG KHAZANAH ALAM MALAYSIA**
ORGANIZATION FOR THE PRESERVATION OF NATURAL HERITAGE MALAYSIA
(Reg. Num. PPM-028-10-24022011)
No15, Jalan Akuatik 13/77c, D'kayangan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel :+6 03-5512 1006 | Fax : +6 03-5511 1669 | Email : hello@pekamalaysia.org | website: www.pekamalaysia.org

**3. Tupai Pigmy**




**PERTUBUHAN PELINDUNG KHAZANAH ALAM MALAYSIA**
ORGANIZATION FOR THE PRESERVATION OF NATURAL HERITAGE MALAYSIA
(Reg. Num. PPM-028-10-24022011)
No15, Jalan Akuatik 13/77c, D'kayangan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel :+6 03-5512 1006 | Fax : +6 03-5511 1669 | Email : hello@pekamalaysia.org | website: www.pekamalaysia.org

**4. Laporan akhbar The Star**
**Selasa, 18 Feb 2020**
**https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2020/02/18/green-lung-under-threat**



StarProperty dimsum entertainment Events Suria FM 988 FM myStarjob.com Carsifu

For You News Business Sport Metro Lifestyle Food Tech Education Opinion Videos More

## Green lung under threat

METRO NEWS

Tuesday, 18 Feb 2020

By SHALINI RAVINDRAN and EDWARD RAJENDRA

— Photos: AZLINA ABDULLAH/The Star. Additional photos by ZAHAR AZ, ZAHARIL DZULKAFLY and ROSLI OMAR.

ANOTHER forest reserve in Selangor is under threat of degazettement, which will cut down the presently protected 958ha to a mere 28ha.

If the state government proceeds with its proposal to degazette some 97% of the Kuala Langat North Forest Reserve (KLNFR), it could mean total destruction of the forest and its biodiversity, which would adversely impact the indigenous people who rely on the forest.

Selangor Forestry Department placed a notice in a major daily on Feb 5 inviting stakeholders in the Kuala Langat district to voice their objections to the proposal within 30 days.

**PERTUBUHAN PELINDUNG KHAZANAH ALAM MALAYSIA**
ORGANIZATION FOR THE PRESERVATION OF NATURAL HERITAGE MALAYSIA

(Reg. Num. PPM-028-10-24022011)

No15, Jalan Akuatik 13/77c, D'kayangan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel :+6 03-5512 1006 | Fax : +6 03-5511 1669 | Email : hello@pekamalaysia.org | website: www.pekamalaysia.org

**5. Laporan akhbar Kosmo**
**Rabu, 19 Disember 2018**



KOSMO! RABU 19 DISEMBER 2018

26 INFINITI INOVASI • SAINS • GAJET

Oleh MUHAMAD IQBAL MOHD. ZAZULI

GAMBUT yang terbakar sehingga kedalaman beberapa meter boleh mengakibatkan jerebu berpanjangan.

SERAMAI 200 orang sukarelawan menyertai Program Pemuliharaan Hutan Gambut di Hutan Simpan Kuala Langat Utara baru-baru ini.

# Didik masyarakat kepentingan hutan gambut

MALAYSIA merupakan antara salah sebuah negara yang kaya dengan hutan gambut selain Indonesia.

Antara hutan gambut popular di negara ini ialah Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) dengan keluasan sekitar 960 hektar yang terletak berhampiran Dengkil, Selangor.

Namun, pada awal tahun 2017, kira-kira 95 hektar hutan paya gambut telah musnah dijilat api kerana sifatnya yang mudah terbakar serta cuaca panas dan kering yang sering melanda Malaysia.

Selain mengurangkan sumber hutan dan kepelbagaian biologi, kebakaran tanah gambut juga menghasilkan pengeluaran gas rumah hijau dan asap yang memudaratkan kesihatan masyarakat setempat.

Selain itu, ia juga dikhuatiri boleh mengakibatkan penduduk berdekatan hilang sumber ekonomi.

**Sukar dipadam**

**Pengarah Global Environment Centrel (GEC), Faizal Parish** berkata, gambut merupakan himpunan tumbuhan separa reput atau bahan organik yang hanya terdapat di kawasan semula jadi yang dipanggil tanah gambut.

"Gambut terbentuk dalam keadaan basah iaitu aras air tinggi dan keadaan berasid akan memperlahankan kadar penguraian.

"Gambut mengandungi 90 peratus air dan 10 peratus lagi bahan organik. Apabila tanah gambut mengering, ia mudah mengakibatkan kerosakan dan kebakaran.

"Lebih malang, kebakaran gambut sukar dipadam kerana ia turut terbakar sehingga beberapa meter ke dalam tanah," katanya ketika ditemui di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Demi memelihara dan memulihkan ekosistem yang sensitif itu, 200 sukarelawan termasuk 40 pelajar dari Sekolah Kebangsaan (SK) (Asli) Busut Baru dan SK (Asli) Bukit Cheeding, masyarakat setempat, pertubuhan bukan kerajaan dan wakil korporat telah berganding bahu untuk menyelamatkan hutan paya gambut HSKLU.

Mereka bersama-sama menanam 600 pokok tenggek burung (*Melicope lunu-ankenda*) iaitu satu spesies perintis di sebidang tanah seluas satu hektar di Kompleks Hutan 6, HSKLU.

**Kesedaran**

Acara tersebut bukan sahaja memberikan kesedaran yang amat penting untuk mula berubah, tetapi turut menjadi platform yang baik untuk mendidik orang ramai tentang biodiversiti dan kelestarian pembangunan.

Inisiatif penanaman pokok itu adalah sebahagian daripada Pengurusan Air Hutan dan Pemulihan Hutan yang sedang dijalankan di Landskap Hutan Paya Gambut Kuala Langat Utara.

Ia bertumpu kepada pengurusan hidrologi gambut, pencegahan dan kawalan kebakaran, penyertaan Orang Asli dan masyarakat tempatan serta kerjasama sektor swasta untuk membantu pelaksanaan Pelan Pengurusan Kebakaran Hutan untuk Hutan Simpan Kuala Langat Utara dan Hutan Simpan Kuala Langat Selatan 2017-2021.

**Pengarah Perhutanan Negeri, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Mohd. Puat Dahalan** berpendapat, acara penanaman pokok itu dapat menyumbang kepada pemuliharaan dan pemulihan ekosistem hutan paya gambut Malaysia.

"Ia bukan sahaja unik tetapi juga penting kepada masyarakat Orang Asli yang tinggal di kawasan berhampiran kerana mereka bergantung kepada hutan untuk sumber harian.

"Hati saya cukup tersentuh apabila melihat komuniti tempatan, syarikat swasta dan juga pelajar-pelajar telah berganding bahu untuk membantu pihak berkuasa dalam menguruskan dan memelihara sebuah khazanah semula jadi kita," katanya pada majlis pelancaran Sahabat Hutan Gambut Kuala Langat Utara di Selangor baru-baru ini.

Sahabat Hutan Paya Gambut Kuala Langat Utara, merupakan penubuhan komuniti pelindung paya gambut yang dibentuk dalam kalangan Orang Asli dari dua buah kampung iaitu Kampung Bukit Cheeding dan Kampung Pulau Kempas.

**Timbalan Pengerusi Dan Ketua Pegawai Eksekutif, Boh Plantations, Caroline Russell** berkata, beliau gembira melihat generasi muda tampil untuk menyokong pemuliharaan hutan paya gambut.

"Apabila rakyat Malaysia dan golongan belia menganggap alam sekitar ini sebagai milik dan tanggungjawab bersama, kita pasti dapat membantu menyelamatkan dan memelihara hutan paya gambut yang indah ini.

"Sepanjang tiga tahun ini, kami berbangga menjadi sebahagian daripada perubahan positif dalam alam sekitar yang tidak mungkin kita kecapi tanpa rakan kerjasama projek kami iaitu pihak berkuasa tempatan dan masyarakat setempat," jelasnya.

FAIZAL (kiri) dan Caroline menunjukkan pokok tenggek burung yang ditanam di Hutan Simpan Kuala Langat, Selangor.

POKOK tenggek burung antara yang ditanam di Hutan Simpan Kuala Langat, Selangor.

**PERTUBUHAN PELINDUNG KHAZANAH ALAM MALAYSIA**
ORGANIZATION FOR THE PRESERVATION OF NATURAL HERITAGE MALAYSIA

(Reg. Num. PPM-028-10-24022011)

No15, Jalan Akuatik 13/77c, D'kayangan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel :+6 03-5512 1006 | Fax : +6 03-5511 1669 | Email : hello@pekamalaysia.org | website: www.pekamalaysia.org

**6. Kawasan cadangan untuk dinyahwartakan**

**Proposed degazettement of Kuala Langat North Forest Reserve**






PERTUBUHAN PELINDUNG KHAZANAH ALAM MALAYSIA
ORGANIZATION FOR THE PRESERVATION OF NATURAL HERITAGE MALAYSIA

(Reg. Num. PPM-028-10-24022011)
No15, Jalan Akuatik 13/77c, D'kayangan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel :+6 03-5512 1006 | Fax : +6 03-5511 1669 | Email : hello@pekamalaysia.org | website: www.pekamalaysia.org

7. **Dokumen berkaitan kawasan tanah adat dan kawasan rayau orang asli**

May 18] F.M.S. GOVERNMENT GAZETTE 691

"THE FOREST ENACTMENT, 1918"—(*cont.*)

DECLARATIONS OF FOREST RESERVES—(*cont.*)

**No. 2578.**—In exercise of the powers vested in him by section 3 of "The Forest Enactment, 1918," and in pursuance of section 12 thereof, the Resident of Selangor, with the approval of the State Council, proclaims that, with effect from the 1st July, 1927, the land described below and delineated on survey sheets C100, D100, A108, B108, A109, D108, C109, A116, B116, A117, C117 and D117, in the office of the Superintendent of Revenue Surveys, Selangor, shall be reserved forest to be known henceforth as the Kuala Langat North Forest Reserve.

Dated at Kuala Lumpur, this 19th day of April, 1927.
[Sel. 3674/22.]

L. A. ALLEN,
*Acting Secretary to Resident, Selangor.*

DESCRIPTION.

KUALA LANGAT NORTH FOREST RESERVE.

*State*—Selangor.
*District*—Kuala Langat.
*Mukim*—Tanjong Duablas.
*Approximate area*—17,900 acres.
*Boundaries*—
NORTH—The Klang district eastwards from the north-eastern corner of portion 1,095.
EAST—The Ulu Langat district.
SOUTH—The Langat river down stream to the drain reserve east of Labohan Dagang Malay Reservation.
SOUTH-WEST—The said drain reserve northwards for about 69 chains; thence a demarcated line running approximately north-westwards to a pipe on the southern edge of the Banting-Bangi road reserve near the 35th mile-post; thence a line running approximately north-west by north across the said road reserve to a pipe on its northern edge; and thence a demarcated line running approximately north-north-westwards for about 94 chains, and approximately westwards for about 322 chains.
WEST—A demarcated line running approximately north-westwards for about 195 chains to the eastern extremity of portion 1,723; thence portion 1,723 and portion 1,715 to its northern corner; thence a demarcated line running approximately eastwards for about 217 chains and approximately north-north-westwards for about 445 chains to the south-eastern corner of portion 1,095; and thence portion 1,095 to the starting point.

SCHEDULE II.

The following rights are admitted and privileges conceded within the reserve, but the exercise thereof shall be subject to the control of the Conservator and to such orders as he may make with the approval of the Resident to regulate the local limits within which, and the mode in which the produce referred to may be taken or received within the reserve:

STATEMENT OF RIGHTS AND PRIVILEGES.

| Particulars of holders. | Particulars of rights and privileges. |
|---|---|
| The Sakais Jinang Lanchang of Bukit Prah and Pulau Kempas, and Jinang Lijah of Bukit Kemandol to the extent of six and four households respectively. | (i) The right to the fruit from the dusuns of which they are the holders, and to maintain in good order the said dusuns.<br>(ii) The privilege of cultivating foodcrops in old clearings formerly cultivated by them or their ancestors.<br>(iii) The privilege of living in the reserve at a place or places approved by the Deputy Conservator of Forests.<br>(iv) The right to water from the streams for domestic and agricultural purposes.<br>(v) The right to timber and bark of Class II trees (as defined in the Forest Rules for the time being in force); bamboos, canes, attaps, honey, wax, wood-oil, jungle fruits, roots, vegetables, leaves and fibres in sufficient quantities for the erection and maintenance of their huts and for their own domestic use, but not for sale or barter.<br>(vi) The privilege of hunting, shooting and fishing to supply food for themselves and their families but not for purposes of trade or barter, subject to such rules and restrictions as may for the time being be enforced generally and in reserved forests.<br>(vii) The right of way for the purpose of exercising the above rights and privileges. |
| The inhabitants of the Labohan Dagang Malay Reservation to the number of 150 households. | The right to rotan, attaps, and timber of Class II from that portion of the reserve which lies between the Banting-Bangi road and the Langat river as if that part of the reserve were State land subject to section 27 of "The Forest Enactment, 1918." |

"THE INVENTIONS ENACTMENT, 1914."

NOTICES OF ACCEPTANCE OF COMPLETE SPECIFICATIONS (SECTION 9).

**No. 2579.**—Notification is hereby given that application, No. 14 of 1926, having been made by Michael Francis Brendon O'Malley, Planter of Kuala Ketil Estate, Kedah, for a grant of exclusive privileges in respect of an invention entitled "An apparatus for anti-malarial oiling of drains," the Chief Secretary to Government has been pleased to accept the complete specification, No. 1 of 1927, relating to the application aforesaid.

The application and specification are open to public inspection in the Federal Secretariat (Sundays excepted) [illegible]

PERTUBUHAN PELINDUNG KHAZANAH ALAM MALAYSIA
ORGANIZATION FOR THE PRESERVATION OF NATURAL HERITAGE MALAYSIA

(Reg. Num. PPM-028-10-24022011)
No15, Jalan Akuatik 13/77c, D'kayangan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel :+6 03-5512 1006 | Fax : +6 03-5511 1669 | Email : hello@pekamalaysia.org | website: www.pekamalaysia.org



**PERTUBUHAN PELINDUNG KHAZANAH ALAM MALAYSIA**
ORGANIZATION FOR THE PRESERVATION OF NATURAL HERITAGE MALAYSIA

(Reg. Num. PPM-028-10-24022011)
No15, Jalan Akuatik 13/77c, D'kayangan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel :+6 03-5512 1006 | Fax : +6 03-5511 1669 | Email : hello@pekamalaysia.org | website: www.pekamalaysia.org

(KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH)
SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN
TINGKAT 22, BANGUNAN DARUL EHSAN,
NO. 3, JALAN INDAH, SEKSYEN 14,
40548 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN.

Ruj : BA1.006.Jld 5(15)

Tarikh: 25 Januari 2010
9 Safar 1431

Kepada Sesiapa Yang Berkenaan.

Tuan,

PENGESAHAN KAWASAN DAN PENEMPATAN ORANG ASLI.

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara diatas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pentadbiran ini mengesahkan **Kampung Orang Asli Pulau Kempas, Bukit Cheeding, Bukit Kecil, Bukit Serdang, Bukit Kemandul dan Tanjung Rabok** adalah kawasan yang telah di diami oleh masyarakat Orang Asli semenjak pada tahun 1965 susulan daripada / melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) **bertarikh 29 November 1965** memutuskan kawasan tersebut dibatalkan daripada Kawasan Simpanan Melayu dan diisytiharkan dalam Warta Kerajaan Negeri sebagai Kawasan Orang Asli dibawah Seksyen 6 Akta 134. Rujukan surat Pejabat Tanah Daerah Kuala Langat Bil (6) dlm P.L.B.D. K.Lgl 279 yang bertarikh 17 Disember 1965 adalah berkaitan.

3. Sebagai makluman, Merujuk Seksyen 10 Akta 134 Akta Orang Asli 1954 menjelaskan bahawa " Suatu Masyarakat Orang Asli tidak berkewajipan meninggalkan kawasan yang diisytiharkan Rizab Orang Melayu ataupun mana-mana Kawasan sekalipun ".

**PERTUBUHAN PELINDUNG KHAZANAH ALAM MALAYSIA**
ORGANIZATION FOR THE PRESERVATION OF NATURAL HERITAGE MALAYSIA

(Reg. Num. PPM-028-10-24022011)
No15, Jalan Akuatik 13/77c, D'kayangan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel :+6 03-5512 1006 | Fax : +6 03-5511 1669 | Email : hello@pekamalaysia.org | website: www.pekamalaysia.org

D.K.Lgl. 279.
/TOA/SEL/ADM/D/10.

.....10.72.

Pengarah Hal Ehwal Orang Asli,
Selangor,
Jalan Parry,
Kuala Lumpur.

Kawasan Tanah Kerajaan Simpanan Orang Melayu yang di-dudoki oleh Orang Asli dalam Daerah, Kuala Langat.

Ada-lah di-ma'alomkan kapada tuan bahawa kawasan bertanda merah dalam pelan berkembar telah di-luluskan oleh Majlis Meshuarat Kerajaan Negeri, Selangor pada 29hb. Nobember, 1965 untok di-jadikan rezab Orang Asli.

2. Perkara ini telah di-rujok kapada Pengarah Ukor untok di-ukor dan ada-lah di-dapati kawasan Orang Asli bagi kawasan A, B, C dan D ada-lah sebenar2 bertanda hijau dalam peta yang di-kembarkan ini.

3. Sebelom tindakan mengukor di-teruskan harap dapat tuan mengesahkan kawasan2 bertanda hijau ini oleh kerana Pejabat Ukor tiada mempunyai rekod yang bagitu kemaskini.

4. [illegible] kawasan bertanda hijau ini di-sahkan, perkara ini terpaksa di-rujok semula kapada Majlis Meshuarat Kerajaan Negeri, Selangor di-[illegible] [illegible] ini.

5. Tindakan ukor mengukor ini akan rumit dan memakan masa yang lama, harap dapat pehak tuan berkerjasama menunjokkan kawasan ini apabila tindakan ukor mengukor di-jalankan nanti.

(signature)

([illegible])
b.p. Pemungut Hasil Tanah,
Kuala Langat.

# 2. KEMATIAN HARIMAU MALAYA DI MERSING DAN KEBERKESANAN KEMPEN SAVE TIGER DENGAN BAJET RM20 JUTA

- PEKA Malaysia maklum akan adanya kempen Selamatkan Harimau Malaya yang telah disempurnakan oleh YBhg. Tun Siti Hasmah yang juga menjadi penaung bagi kempen tersebut. Persoalan yang timbul ialah mengenai keberkesanan kempen ini dan juga penggunaan dana yang diperoleh sepanjang kempen ini. Hal ini kerana setelah kempen ini dilaksanakan masih terdapat kes-kes yang melibatkan harimau yang berlaku seperti yang terbaru, kes kematian Harimau Malaya di Mersing, Johor.

# Sisipan Kematian Harimau Malaya DI Mersing, Johor.


Khamis, 5 March 2020 | 3:19pm






Bangkai harimau yang ditemui mati di sebuah bukit Ladang Aramijaya, Mersing. - Ihsan PERHILITAN

## Harimau belang Mersing ditemukan mati

Share

(https://www.facebook.com/sharer/sharer.php?u=https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/662214/harimau-belang-mersing-ditemukan-mati)

(https://twitter.com/intent
ref_src=twsrc%5Etfw&text=Harimau%20belang%20Mersing%20ditemukan%20mati&tw_p=tweetbutton&url=https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/662214/h
belang-mersing-ditemuka

KUALA LUMPUR: Seekor harimau belang yang sebelum ini dilihat berkeliaran sekitar Ladang Aramijaya, Mersing, Johor, ditemui mati semalam di kawasan berbukit dalam ladang berkenaan.

Sisipan Kempen Selamatkan Harimau Malaya.

# Siti Hasmah calls for help to save the Malayan tiger, a critically endangered species with fewer than 200 left in Malaysia

**Rachel Tay**

July 29, 2019

WhatsApp Facebook Twitter LinkedIn WeChat



**Siti Hasmah, who is the wife of Malaysian Prime Minister Mahathir Mohamad, said that there were fewer than 200 Malayan tigers left in the country.** Instagram / chedetofficial, Wildlife Reserves Singapore

In light of the dwindling population of Malayan tigers, Siti Hasmah – wife of Malaysian Prime Minister Mahathir Mohamad – has called upon Malaysians to help preserve the endangered species.

Speaking at the launch of the Global Tiger Day 2019 on Sunday (July 28), she said there were fewer than 200 Malayan tigers left in the country, Malay Mail reported.



ANTARA pelajar yang melibatkan diri dalam aktiviti menanam pokok sempena sambutan Hari Harimau Sedunia peringkat kebangsaan diadakan di Cameron Highlands, hari ini. - Foto ihsan PERKAM

# Populasi Harimau Malaya berada di angka 'darurat'

Oleh Rosman Shamsudin
bhnews@nstp.com.my

Share Tweet

CAMERON HIGHLANDS: Pembangunan dan penebangan hutan tidak terancang antara punca bilangan Harimau Malaya negara berada di tahap 'darurat'.

Presiden Pertubuhan Konservasi Alam Malaysia (PERKAM), Dr S Santharasekaran, berkata faktor utama lain adalah kegiatan pemburuan haram harimau serta pemburuan haiwan makanan utama haiwan liar itu seperti babi hutan, kancil dan mamalia kecil lain.

Katanya, dianggarkan hanya antara 150 hingga 200 Harimau Malaya masih ada di Semenanjung Malaysia ketika ini.

"Ini boleh dianggap sebagai angka 'darurat' kepada spesies itu iaitu hampir pupus di habitat sebenar.

# 3.RAMSAR

- Apakah keadaan hutan/kawasan yang berstatus RAMSAR yang ada di Malaysia?
- Pada ketika ini kawasan RAMSAR Tasik Bera, Pahang dan Sungai Pulai, Johor sedang terancam. Oleh itu, PEKA Malaysia ingin pihak Kementerian memandang serius perkara ini sebagai mana laporan yang dikeluarkan oleh Berita Harian mengenai ancaman terhadap kawasan-kawasan berkenaan.

# RAMSAR IN MALAYSIA

Malaysia became a Contracting Party to the Ramsar Convention on the 10th of March 1995. Since then, a number of policies, plans, programmes and projects have been initiated by the Government of Malaysia and NGOs, towards the conservation and wise use of its wetlands. The Ministry of Water, Land and Natural Resources (KATS) serves as the National Focal Point for the Ramsar Convention in Malaysia.

To date, seven wetlands in Malaysia have been designated as Ramsar sites:

- Tasik Bera, Pahang (38,446 ha)
- Tanjung Piai, Johor (526 ha)
- Pulau Kukup, Johor (647 ha)
- Sungai Pulai, Johor (9,126 ha)
- Kuching Wetlands, Sarawak (6,610 ha)
- Lower Kinabatangan-Segama, Sabah (78,803 ha)
- Kota Kinabalu Wetlands, Sabah (4.2 ha)



RM2.00

Wadah Pembaharuan
BH AHAD
www.bharian.com.my

Sampah berlonggok, bau meloyakan cemari Pasar Pudu
Muka 19

B POP
Bosan jalan cerita sama: Nelydia Senrose
Muka 38/39
Dapatkan di dalam

Pakar virus gesa Malaysia hasilkan vaksin untuk manusia
Ikuti Soal Jawab bersama Prof Dr Sazaly Abu Bakar, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pendidikan Penyakit Berjangkit Tropika, UM. Muka 14/15

Eksklusif

RAMSAR negara dinodai

Aktiviti pembangunan tidak terkawal, pencerobohan meng... flora dan fauna empat kawasan Tanah Lembab Berkepentingan Antarabangsa (RAMSAR) di negara ini sehingga menjejaskan sumber ... pelbagai spesies hidupan liar serta memberi

Keratan akhbar BH Ahad semalam.

## Hutan Simpan Sungai Pulai jadi padang golf

Oleh Mohamed Farid Noh dan Suzalina Halid
bhnews@bh.com.my (mailto:bhnews@bh.com.my)

JOHOR BAHRU: Ratusan nelayan di kawasan Gelang Patah, Pendas sehingga ke Skudai, mendakwa hidup mereka makin tersepit berikutan hilang punca pendapatan apabila lubuk rezeki mereka sekitar hutan simpan bakau Sungai Pulai, kini lenyap bertukar menjadi sebuah padang golf dan resort antarabangsa.

Nelayan di situ mendakwa suara mereka semakin tidak didengari walaupun bantahan pernah dibuat hampir 10 tahun lalu sebelum padang golf dan resort antarabangsa itu dikatakan dibina di kawasan hutan simpan bakau di kuala Sungai Pulai, yang ditebang dan dimusnahkan atas nama pembangunan komersial.

Nelayan yang hanya mahu dikenali sebagai Rais, 53, mendakwa mereka kini tidak lagi dibenarkan mendekati mahu pun memasuki baki kawasan hutan bakau berkenaan yang kini didakwa menjadi hartanah persendirian.

"Dahulu selama puluhan tahun kawasan hutan simpan bakau Sungai Pulai menjadi lubuk rezeki hampir 300 nelayan Gelang Patah, Pendas sehingga ke Skudai, namun kini sebahagiannya ditebang dan dibina hotel dan padang golf.

"Di situ lubuk nelayan menangkap ikan sembilang dan ketam bangkang selain mencari siput sedut selama puluhan tahun.

"Namun sejak pembinaan padang golf dan resort itu bermula hampir 10 tahun lalu, ia dijadikan kawasan larangan kepada semua nelayan yang tidak dibenarkan lagi mencari rezeki di situ.

"Kini kawasan nelayan tradisional itu bertukar menjadi kawasan untuk orang kaya dan kami anak tempatan di sini terus terpinggir," katanya kepada BH.

Kawasan Sungai Pulai adalah sebuah daripada empat kawasan Tanah Lembab Berkepentingan Antarabangsa (RAMSAR) yang ada di Semenanjung, namun aktiviti pembangunan tanah sekitarnya kini mengancam flora dan fauna kawasan itu.

BH dalam laporan muka depannya semalam, melaporkan Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Prof Ahmad Ismail, dilaporkan berkata, ancaman dihadapi tapak RAMSAR ketika ini, jika tidak dikawal atau ditangani dikhuatiri menjejaskan sumber biologi tapak berkenaan seperti spesies ikan, tumbuhan hutan, hidupan liar, burung hijrah dan burung pemangsa.

Tahun lalu, media melaporkan seluas 800 hektar Hutan Simpan Sungai Pulai yang kaya hutan bakau dikeluarkan daripada status pewartaan hutan simpan dengan gazetnya dilaporkan dilupus bagi memberi laluan pembinaan padang golf bertaraf antarabangsa.

Sungai Pulai antara tapak yang diklasifikasikan sebagai tapak RAMSAR pada 2003. Kawasan paya bakau di situ adalah seluas 8,334 hektar, hampir dua kali ganda Putrajaya.

Sementara itu, seorang lagi nelayan kawasan Iskandar Puteri yang mahu dikenali Mamat, 58, berkata ramai rakyat negeri ini menyangka padang golf dan resort antarabangsa itu dibina di atas laut yang ditambak, namun hakikatnya ia dibina atas kawasan Hutan Simpan Sungai Pulai yang ditebang bakau yang sejak wujud ratusan tahun lalu.

"Dahulu, tiada siapa pedulikan suara kami nelayan, kononnya kami membantah pembangunan yang mahu dibuat secara membuta tuli.

"Lihatlah sekarang, siapa yang dapat manfaat daripada pembinaan padang golf dan resort antarabangsa itu? Nasib nelayan di sini terus seperti kais pagi, makan pagi dan semakin melarat, " katanya.




Tasik Bera di Pahang yang kini terjejas akibat aktiviti pengambilan hasil hutan dan tangkapan ikan secara berlebihan. - NSTP/Aizuddin Saad

**Orang Asli akui hasil Tasek Bera berkurangan**

BERA: Masyarakat Orang Asli sekitar Tasek Bera di sini, mengakui hasil hutan dan hidupan yang menjadi rezeki mereka di Tapak RAMSAR itu, semakin berkurangan akibat aktiviti pengambilan hasil hutan dan tangkapan ikan secara berlebihan.

Antara khazanah memberi pulangan kepada Orang Asli termasuk ikan kelisa, baung dan tapah, manakala hasil hutan seperti batu kelulut dan madu lebah serta akar kayu seperti kacip fatimah dan tongkat ali.

Di sekitar kawasan itu, ada kira-kira 3,000 penduduk Orang Asli yang mendiami 14 kampung, yang 15 peratus daripadanya bergantung hasil flora dan fauna tanah lembab itu untuk kelangsungan hidup.

Pengerusi Persatuan Bakti Semelai Malaysia, Romani Mohamad, berkata selebihnya tertumpu kepada getah dan kebun sawit, sama ada mengusahakan kebun atau mengambil upah sebagai buruh.

“Tangkapan ikan jika berbanding 20 tahun lalu, kami mendapat sehingga 20 kilogram (kg) dengan pendapatan kira-kira RM700 setiap kali memasang perangkap atau bubu, namun kini hanya sekitar 3kg sahaja.

“Bagi hasil hutan pula, jika dulu pencarian batu kelulut boleh mencecah hingga 40 kilogram (kg) tetapi kini semakin sukar diperoleh.

“Dulu boleh didapati sekitar tepi tasik sahaja tetapi kini perlu pergi hingga 10 kilometer jauh dalam hutan, disebabkan aktiviti pembalakan dan penerokaan tanah untuk projek sawit,” katanya ketika ditemui di sini.

Beliau berkata, komuniti Orang Asli di sini berharap kerajaan membantu menyediakan peluang lain untuk mereka menambah pendapatan seperti projek pertanian, ternakan ikan atau produk berasaskan pelancongan.

Penduduk Kampung Bapak, Kamarul Nak, 48, yang menyara kehidupan dengan hasil tangkapan ikan kelisa dan tapah di Tasek Bera, berkata dia boleh menjana pendapatan sehingga RM100 sehari pada musim ‘ikan kelisa’ sekitar September.

Katanya, namun dari tahun ke tahun, dia mendapati hasil tasik itu semakin berkurangan sebab terlalu ramai orang daripada luar yang turut mencuba nasib mendapatkan ikan itu.

“Ya makin kurang sebab orang ramai....dulu banyak ikan tetapi apabila orang luar ramai datang termasuk dari Kuala Lumpur, Pulau Pinang malah ada dari Singapura, ikan makin kurang,” katanya ketika ditemui di rumahnya, di sini.

Hamid Yahim, 61, pula berkata dia kerap memasuki hutan dalam kawasan Tasek Bera untuk mendapatkan hasil bagi kegunaan sendiri dan jualan sejak berusia 12 tahun.

Katanya, jika dulu dia boleh mendapatkan tangkapan haiwan liar seperti kancil dan kijang, namun kini hanya mengharapkan hasil herba berikutan sukar melihat’ haiwan itu lagi akibat pemburuan haram secara berlebihan.

“Sekarang sudah tiada binatang, kami bergantung kepada hasil herba hutan seperti rotan dan akar kayu yang dijual kepada peraih yang datang ke sini,” katanya.

Tok Batin Kampung Bapak, Kamaruddin Okin, 50, berkata kebiasaannya anak buahnya bergantung kepada hasil flora dan fauna Tapak RAMSAR pada musim tertentu sebagai punca pendapatan sampingan, ketika hasil menoreh getah berkurangan.



(https://www.bharian.com.my/umum-kabinet/bh/index.html)

# Ancaman: Pembinaan Kelab Golf di Hutan Simpan Sungai Pulai, Johor

- Kawasan ini diwartakan sebagai Hutan Simpan pada TAHUN 1962
- Pewartaan pada tahun 2003, ia dikenalpasti sebagai tanah lembap berkepentingan antarabangsa dan diletakkan di dalam Senarai Tanah Lembap Yang Berkepentingan Antarabangsa (RAMSAR)
- Sebahagian daripada hutan simpan ini kini berubah menjadi 800 hektar projek Forest City Golf Course Resort yang bernilai RM1.2 billion.

- Dalam Plan 2017-2021 Paya Bakau SUNGAI PULAI termasuk bagi :
- - perancangan Pengurusan landskap
- - Unesco Status
- - mewujudkan aktiviti ekonomi (produk pelancongan Dan akademi)

- Adakah KERAJAAN NEGERI Ada Memaklumkan Projek Pembangunan ini kepada KERAJAAN PERSEKUTUAN memandangkan melibatkan STATUS ANTARABANGSA RAMSAR?
- LAPORAN EIA?
- SIJIL PENYAHWARTAAN?

Kawasan yang kaya dengan biodiversiti ini mengandungi:

- Keluasan 9126 Ha
- 24 spesis paya bakau
- 53 spesis burung
- 26 mamals
- 12 reptilia
- 111 ika
- 39 benthic organism








Ringkasan laporan EIA menunjukkan bahawa tapak projek berada di rizab hutan Paya Bakau Sungai Pulai

# ANCAMAN: PEMBALAKAN DI TASEK BERA, PAHANG



# 4. PEMBALAKAN BAGI TANAMAN DURIAN MUSANG KING

- Musang King Plantation
- - HS Gunung Inas 3000 hektar
- - Penyahwartaan HS Tranum 2000 ekar/Mini Hidro Sempam
- - M7 di Gua Musang 10k ekar melibatkan MOA Kuala Betis
- - HS Rimba Teloi Sik Kedah : Fasa 1 400hektar done : Fasa 2 400hektar on going with clear cutting

# 4.1 Pembalakan di HSK Gunung Inas, Baling, Kedah

- November 2018
- Ladang Hutan tetapi dirancang kepada penanaman Durian Musang King yang bukan merupakan spesis pokok bagi Ladang Hutan.
- Luas keseluruhan kawasan pembalakan “cuci mangkuk” 3000 Ha.
- Menyebabkan kemusnahan LATA CELAK/SG.KUPANG yang MERUPAKAN SUMBER AIR kepada 13,000 orang penduduk dari 17 kampung yang bergantung SUMBER air ini. Sekarang ia telah tercemar kerana Selut/Lumpur dan sisa kumbahan dari Rumah Kongsi.

KOSMO! RABU 21 NOVEMBER 2018

# Penduduk bantah projek durian Musang King di Baling

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

**BALING** - Kira-kira 300 penduduk dari lebih empat buah kampung berhimpun bagi membantah kerja-kerja pembersihan hutan untuk projek penanaman durian jenis Musang King di Hutan Simpan Gunung Inas (HSGI) di sini semalam.



SHARIFFA



ISHAK

Pengerusi Jawatankuasa Membantah Projek Musang King dan Pembalakan HSGI, Ishak Hamzah mendakwa, kerja-kerja penyediaan kawasan bagi projek itu telah bermula di kompartmen sembilan kawasan hutan simpan tersebut.

"Kami dimaklumkan bahawa kawasan itu serta kompartmen enam, tujuh dan lapan adalah untuk projek ladang hutan iaitu untuk penanaman semula pokok balak.

"Penduduk kampung bagaimanapun terkejut apabila diberitahu kompartmen sembilan akan ditanam dengan pokok durian Musang King," dakwanya ketika ditemui pada perhimpunan tersebut di kawasan rekreasi Lata Chelak di sini semalam.

Kata beliau, penduduk yang tinggal berhampiran HSGI telah menerima kesan daripada projek pembalakan sebelum ini dan tidak mahu kejadian sama berulang lagi.

"Saya yakin bekalan air masyarakat di 17 buah kampung yang melibatkan hampir 13,000 penduduk akan terjejas teruk jika kerja-kerja pembersihan hutan diteruskan," ujarnya.

Kata Ishak, penduduk yang tinggal di sekitar kawasan Lata Chelak telah menerima kesan daripada kerja-kerja penyediaan tanah bagi projek tersebut.

"Sungai di Lata Chelak ini sudah menjadi keruh selain tercemar dengan bahan buangan termasuk najis yang disalurkan terus ke anak sungai dari kawasan rumah kongsi pekerja projek," jelasnya.

Sementara itu, Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA), Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil berkata, keadaan sungai di Lata Chelak yang keruh adalah akibat daripada projek pembalakan yang serius.

"Projek ini mengundang pelbagai masalah kepada penduduk apabila kualiti bekalan air masyarakat yang disalurkan ke rumah penduduk terjejas," katanya.




SHARIFFA SABRINA (duduk dua dari kanan) bersama Tze Min (duduk dua dari kiri) serta penduduk kampung memegang poster bagi membantah projek tanaman durian Musang King di Hutan Simpan Gunung Inas di Lata Chelak di sini semalam.

Beliau berkata, penanaman pokok durian Musang King akan melibatkan penggunaan baja dan bahan itu dikhuatiri turut mencemarkan sungai.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Masyarakat Cina dan Siam, Sumber Tenaga Manusia dan Alam Sekitar negeri, Ooi Tze Min berkata, kompartmen enam hingga sembilan diperuntukkan untuk projek ladang hutan.

"Pokok durian tidak termasuk jenis pokok yang dibenarkan dalam projek ladang hutan dan kita akan menyiasat dakwaan penduduk ini," katanya.


PHDKS
Nombor Lesen : KS 01 - (P) -10-2018
Kawasan Lesen : KOMPT. 8. BELOK (2): H.S
Luas Kawasan Lesen : t383-HA GUNUNG INAS
Nama Pemegang Lesen : SYKT KAYU BALAK HIN HUAT
Nama Kontractor : SYARIKAT KAYU BALAK HIN HUAT
Tempoh Kuat Kuasa Lesen : 31 - 12 - 2018
Tempoh Kuat Kuasa Sambungan Lesen Terakhir : 30 - 6 - 2019








JAMBAN NAJIS RUMAH
KONGSI TERUS KE SG.
KUPANG


BUANGAN SISA PEKERJA
KONGSI TERUS KE SG.
KUPANG
BIO ZIP


Lata Celak
Gunung Inas
HUAWEI nova 3i
DUAL CAMERA


Gunung Inas

Petikan berita TV1 RTM berkenaan permasalahan ini pada 16 Julai 2016



7 Jun 2020



# 4.2 PEMBALAKAN OLEH SYARIKAT M7 DI GUA MUSANG SELUAS 10 RIBU EKAR MELIBATKAN KEPENTINGGAN MASYARAKAT ORANG ASLI KUALA BETIS

- Projek ini didakwa dilakukan di kawasan tanah adat orang asli.
- Terjadi konflik antara pihak pemaju dengan masyarakat orang asli.

malaysiakini
terkini untuk anda

Iklan
GERAN SME: RM5000'
Geran SME RM5000
Info-tech




BERITA

1.1K SHARES

## Sekatan Orang Asli Kelantan halang projek 'Musang King'

Shakira Buang

Diterbitkan 17 Feb 2018, 5:52 pm · Dikemaskini 17 Feb 2018, 6:39 pm

A+ A-

Isnin, 1 Jun 2020 - 8:25AM

BH ONLINE

BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA WANITA HUJUNG MINGGU SETULUS IKHI

BERITA » Kes

Isnin, 8 Oktober 2018 | 12:11pm




## Perbicaraan kes saman syarikat Musang King pada 18 Oktober ini

Oleh Mohd Zulkifli Zainuddin
mohd.zulkifli@nstp.com.my

Share Tweet

- Court Order dari Mahkamah Majistret Gua Musang

MAHKAMAH SESYEN/MAJISTRET
GUA MUSANG
18300, GUA MUSANG
KELANTAN DARUL NAIM

TEL : 09-9120190
FAX : 09-9120192

Ruj. Kami : DI-89-14-09/2018
Tarikh : 04 SEPTEMBER 2018

Yang Berusaha
Ketua Polis Daerah
Ibu Pejabat Polis Daerah Gua Musang
18300 **GUA MUSANG**
Kelantan.

Tuan,

**PELAKSANAAN PERINTAH DI BAWAH SEKSYEN 99 (1) KANUN TATACARA JENAYAH**
**NO KES: DI-89-14-09/2018**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dengan ini Mahkamah telah mengeluarkan Perintah agar Satu (1) 'Inquiry' di buat dengan memanggil mana-mana pihak yang berkenaan hadir ke Mahkamah pada 23.09.2018 jam 9.00 pagi dengan memberikan kenyataan bertulis berkenaan tuntutan masing-masing.

3. Oleh itu, Mahkamah dengan ini memohon agar pihak tuan dapat melaksanakan penyampaian perintah ini dengan cara menampal di kawasan berdekatan dengan penduduk berhampiran kawasan yang dipertikaikan iaitu Wilayah Pos Simpor, Gua Musang, Kelantan.

4. Bersama-sama ini dilampirkan Perintah yang bertarikh 04.09.2018 untuk perlaksanaan penampalan perintah tersebut.

5. Segala kerjasama dan perhatian dari pihak tuan amat kami hargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, dimaklumkan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

...................................................
**(MOHD ROSLY BIN MOHAMED NAWI)**
Hakim
Mahkamah Sesyen/Majistret Gua Musang.

---

**DALAM MAHKAMAH MAJISTRET DI GUA MUSANG**
**DALAM NEGERI KELANTAN, MALAYSIA**

**NO. KES : MMGM DI-89-14-09/2018**

Dalam perkara Seksyen 99 Kanun Tatacara Jenayah dan seksyen-seksyen lain yang berkaitan.

**MUSTAFA BIN ALONG** ... **Pemohon**
**(K/P: 870707-29-5463)**

**1. KERAJAAN NEGERI KELANTAN**
**2. DATO' HAJI ZAHARI BIN IBRAHIM**
**(PENGARAH JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN)**
**3. DATO' HAJI ZAMRI BIN ISMAIL**
**(PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN)**
**4. SYARIKAT KPG MAJU ENTERPRISE SDN BHD**
**5. M7 PLANTATION SDN BHD** ...**Responden-Responden**

**DI HADAPAN HAKIM**
**MOHD ROSLY BIN MOHAMED NAWI**
**MAHKAMAH MAJISTRET**
**DI GUA MUSANG, KELANTAN**
**PADA 04 SEPTEMBER 2018** **DALAM MAHKAMAH TERBUKA**

**PERINTAH AWALAN**
[Bagi kehadiran pihal-pihak yang berkenaan di bawah Seksyen 99(1) Kanun Tatacara Jenayah]

**ATAS PERMOHONAN** Pemohon yang dinamakan di atas secara bertulis dan setelah membaca permohonan bertulis Pemohon tersebut;

**ADALAH PADA HARI INI DIPERINTAHKAN BAHAWA:-**

Mahkamah berpuas hati bahawa keperluan-keperluan di bawah Seksyen 99(1) Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) bahawa satu kemungkinan pecah keamanan (breach of the peach) akan berlaku di Wilayah Pos Simpor, Gua Musang, Kelantan, maka dengan ini Mahkamah memanggil mana-mana pihak yang berkenaan, atau berkepentingan sama ada secara sendiri atau melalui peguam, untuk hadir di hadapan Mahkamah bagi memberikan kenyataan bertulis berkenaan tuntutan masing-masing pada 23hb Sepetember 2018 jam 9.00 pagi.

**Bertarikh pada 04 September 2018.**

MAHKAMAH MAJISTRET GUA MUSANG, KELANTAN

**(MOHD ROSLY BIN MOHAMED NAWI)**
**Hakim**
**Mahkamah Sesyen/Majistret Gua Musang**
**Kelantan.**

# 4.3 PEMBALAKAN DI HS RIMBA TELOI SIK KEDAH : FASA 1 400 HEKTAR : FASA 2 400 HEKTAR (SEDANG DIJALANKAN DENGAN KAEDAH TEBANG HABIS)

- Pembalakan yang dijalankan adalah bagi kerja-kerja pembersihan bagi Ladang Durian.

# Penduduk terpaksa berdiam bimbang keselamatan keluarga

**SIK** - Aktiviti pembalakan secara berleluasa bukan sahaja berlaku di daerah Kulim, bahkan turut menimpa daerah Sik apabila Hutan Simpan Rimba Teloi (HSRT) diteroka secara rakus sejak tahun lepas.

Menurut Penyelidik Lapangan Sahabat Alam Malaysia, Meor Razak Meor Abdul Rahman (**gambar**), pembalakan di HSRT turut memberi kesan kepada alam sekitar terutamanya sumber air apabila kawasan tadahan air semakin kecil dan cetek.



Katanya, walaupun aktiviti pembalakan di HSRT telah dihentikan sejak dua minggu lalu namun penduduk terpaksa menerima impak daripada ketamakan pembalak apabila menerima air paip yang keruh.

Lebih malang, katanya, ramai penduduk terpaksa berdiam kerana bimbang akan keselamatan mereka dan keluarga yang mungkin diganggu pihak tertentu.

Sementara itu, seorang penduduk kampung yang hanya mahu dikenali sebagai Sobrie mendedahkan, rata-rata orang kampung di sini takut untuk membuat bantahan berkenaan aktiviti pembalakan kerana taukenya berada di kampung itu.

"Ada beberapa orang kampung sudah diberi imbuhan oleh tauke, sebab itu mereka senyap dan tidak membuat bantahan.

"Malah ada penduduk takut membuat bantahan kerana khuatir dengan keselamatan keluarga dan rumah mereka," dakwanya kepada *Kosmo!* di sini kelmarin.

Tambah Sobrie, paling menyedihkan apabila sebahagian penduduk kampung hilang punca sumber pendapatan kerana bergantung kepada sumber hutan untuk meraih rezeki sebelum ini.

"Dulu hasil daripada jualan sumber hutan seperti jering, petai dan rotan sudah cukup untuk menampung keluarga, kini pendapatan mereka merosot mendadak.

"Sekarang ini syarikat pembalak telah bina pagar pula di kawasan itu, hanya orang tertentu sahaja dibenarkan masuk ke hutan," katanya.

20,000 penduduk mendapat air keruh, berselut ekoran aktiviti perlombongan, pembalakan

# Perhutanan Kedah buat tak endah

Oleh ADIL AIZUDDIN YUSOF

**KULIM** – Perbuatan Jabatan Perhutanan Kedah yang membiarkan aktiviti perlombongan dan pembalakan dijalankan secara rakus di dua hutan simpan kekal di sini menyebabkan lebih 20,000 penduduk di Mukim Mahang terpaksa menerima air keruh dari air paip rumah mereka.



Tinjauan *Kosmo!* bersama Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA) mendapati kegiatan yang merosakkan alam sekitar itu turut menyebabkan air yang diterima adakalanya berselut terutama pada musim hujan.

Eksklusif

Menurut Ketua Pentadbir Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA), Nor Hayati Shahrom (**gambar kecil**), kerajaan negeri dan agensi penguat kuasa terlibat perlu menghentikan segera semua aktiviti perlombongan dan pembalakan serta memulihkan kembali kawasan yang telah dimusnahkan.

Kata Nor Hayati, berdasarkan tinjauan kelmarin pihaknya mengesyaki aktiviti perlombongan bijih timah dan korek pasir yang masih berlaku secara berleluasa di Hutan Simpan Gunung Inas (HSGI) di Kulim dilakukan secara haram kerana tidak disertakan dengan sebarang papan tanda.

Malah lebih menyedihkan, tangan-tangan kotor pelombong itu telah tergamak memusnahkan pokok getah dan durian yang ditanam penduduk sejak hampir 30 tahun lalu demi mendapatkan bijih timah dan pasir.

"Sebelum ini, hutan HSGI terlebih dahulu digondolkan untuk aktiviti pembalakan. Namun, tinjauan selama dua hari di HSGI mendapati masih ada jentera keluar masuk di jalan pembalakan untuk operasi perlombongan biji timah dan korek pasir.

"Pihak bertanggungjawab perlu mengambil tindakan tegas menghalang jentera keluar masuk di kawasan berkenaan secepat mungkin.

"Kelewatan menghentikan aktiviti itu dibimbangi akan membuatkan lebih 20,000 penduduk di Mukim Mahang bakal menderita apabila terputus sumber air bersih," katanya ketika ditemui *Kosmo!* kelmarin.

Dalam pada itu, tambah Nor Hayati, terdapat satu lagi hutan simpan kekal di Kedah yang telah dihentikan aktiviti pembalakan iaitu Hutan Simpan Gunung Bongsu (HSGB) di Kulim, namun malangnya hutan itu terbiar dan tidak dipulihkan.

Katanya, perbuatan tidak memulihkan hutan HSGB yang telah digondolkan menyebabkan kayu balak terbiar dibawa arus masuk ke dalam sungai.

Sementara itu, seorang pengusaha ladang yang menjadi mangsa kerakusan syarikat perlombongan di HSGI, Mohd. Sofi Husin, 50, berkata, kawasan terbabit adalah laluan air Sungai Kangar iaitu sumber air minuman kepada penduduk di sini kerana ia akan mengalir ke Sungai Mahang, Sungai Keriang dan terus ke Loji Mahang milik Syarikat Air Darul Aman.

"Air kampung ini sudah keruh jadi warna merah bila waktu hujan, malah berlumpur lebih teruk. Dulu sebelum pembalakan ada juga masa-masa tertentu air keruh, sekarang lebih buruk hingga berlumpur.

"Malah, habis semua pokok-pokok durian dan pokok getah yang diusahakan oleh kami sejak 1988 ditebang begitu sahaja," katanya.

Sementara itu, seorang lagi penduduk di Kulim, Abu Bakar Mohd. Roslan, 32 berkata, air Sungai Kob di sini juga menjadi cetek dan keruh dipercayai daripada tanah yang terhakis akibat kegiatan balak di HSGB sebelum ini.

"Kini air sungai di sini kotor dan ramai penduduk beritahu puncanya adalah pembalakan," ujarnya.



PERLOMBONGAN bijih timah dan pasir di Hutan Simpan Gunung Inas, Mahang, Kulim didakwa menyebabkan kawasan tadahan air tercemar sehingga mengakibatkan penduduk menerima air paip keruh di rumah mereka.



BEGINILAH keadaan kuari perlombongan di Hutan Simpan Gunung Inas, Mahang, Kulim dalam tinjauan *Kosmo!* bersama PEKA kelmarin.



PERBEZAAN air paip keruh (kiri) dan air mineral yang diterima penduduk di Kulim.



BEKALAN AIR BERSIH DI TIGA NEGERI TERANCAM

KERATAN *Kosmo!* 21 Januari 2018.




## INFO: Sungai hutan simpan jadi sumber air penduduk Kedah

**Hutan Simpan Gunung Inas, Mahang, Kulim**

- Sumber bekalan air minuman kepada 20,000 penduduk
- Terletak berhampiran dengan Gunung Inas, Sungai Sedim, Kulim
- Punca air dari Sungai Kangar mengalir melalui Sungai Keriang dan terus ke Loji Mahang milik Syarikat Air Darul Aman

**Hutan Simpan Gunung Bongsu, Kulim**

- Berkeluasan 30 hektar
- Laluan Sungai Kob dan menjadi sumber air Sungai Muda

**Hutan Simpan Rimba Teloi, Sik**

- Merupakan kawasan tadahan air bagi Empangan Perangin Tinggi, Sik
- Membekalkan air minuman kepada 1,500 penduduk di lima buah kampung

# 4.4 BANTAHAN PEMBALAKAN DI HULU SEMPAM, RAUB, PAHANG






theSundaily

LOCAL WORLD BUSINESS SPORT ENTERTAINMENT & LIFESTYLE OPINION SUPPLEMEN

## China's hunger for durian threatens Malaysian forests: Environmentalists

06 FEB 2019 / 16:07 H.

This picture taken on Dec 19, 2018 shows a worker for a non-governmental organisation (NGO) walking in a durian plantation in Raub. – AFP

**RAUB**: Soaring demand for durians in China is being blamed for a new wave of deforestation in Malaysia with environmentalists warning vast amounts of jungle is being cleared to make way for massive plantations of the spiky,

- https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/10/23/jungles-goodness-gone-and-its-legal-clearing-of-a-hilltop-in-hulu-sempam-for-a-durian-plantation-is/

# Surat Bantahan PEKA Malaysia

**PERTUBUHAN PELINDUNG KHAZANAH ALAM MALAYSIA**
ORGANIZATION FOR THE PRESERVATION OF NATURAL HERITAGE MALAYSIA
(Reg. Num. PPM-028-10-24022011)
No15, Jalan Akuatik 13/77c, D'kayangan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel :+6 03-5512 1006 | Fax : +6 03-5511 1669 | Email : hello@pekamalaysia.org | website: www.pekamalaysia.org

Rujukan kami : PEKA/gen (244) 2018
Tarikh : 5 November 2018

**YAB DATO' SRI WAN ROSDY WAN ISMAIL**
**MENTERI BESAR PAHANG**
Pejabat Menteri Besar
Wisma Sri Pahang
25503 Kuantan
Pahang.

***YAB DATO' SRI,***

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**BANTAHAN KEGIATAN PERTANIAN (TANAMAN DURIAN MUSANG KING) YANG BERKELUASAN KIRA-KIRA 404 HEKTAR DI HULU SEMPAM, MUKIM TRAS, DAERAH RAUB PAHANG.**

Dengan segala hormatnya kami merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YAB Dato' Sri, PEKA Malaysia mendapati satu projek pertanian durian (Musang King) berskala besar telah diadakan di Hulu Sempam, Mukim Tras, Daerah Raub, Pahang. Kawasan tersebut dianggarkan berkeluasan 404 Hektar.

3. Sehubungan itu, kami ingin mengutarakan bantahan kami akan aktiviti pertanian tersebut kerana pada pandangan kami kawasan tersebut adalah tidak bersesuaian untuk dijadikan sebagai kawasan pertanian terutamanya dalam skala yang besar.

4. Hal ini kerana dengan adanya kerja tanah dalam sakla besar di kawasan berkenaan akan menyebabkan berlakunya ganguan terhadap eko sistem setempat terutamanya sumber air kerana aliran air lumpur berpunca dari hakisan tanah yang akan mengalir ke sungai-sungai berdekatan terutamanya Sungai Sempam yang mana menjadi salah satu sungai yang membekalkan air ke Loji Rawatan Air Sungai Semantan, Cheroh, Raub, Pahang.

5. Seperti yang YAB Dato' Sri sedia maklum bahawa Daerah Raub mengalami ganguan bekalan air apabila berlakunya hujan yang mana Loji Rawatan Air terpaksa ditutup kerana sumber airnya tercemar dan mengandungi sedimen yang tinggi.

**PERTUBUHAN PELINDUNG KHAZANAH ALAM MALAYSIA**
ORGANIZATION FOR THE PRESERVATION OF NATURAL HERITAGE MALAYSIA
(Reg. Num. PPM-028-10-24022011)
No15, Jalan Akuatik 13/77c, D'kayangan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel :+6 03-5512 1006 | Fax : +6 03-5511 1669 | Email : hello@pekamalaysia.org | website: www.pekamalaysia.org

6. Kami juga ingin mengtahui adakah kegiatan pertanian ini mendapat kelulusan mengikut peraturan-peraturan yang tertakluk di bawah Jadual Pertama, Perintah Kualiti Alam Sekeliling,(Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 dan Seksyen 34A , Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang memerlukan Laporan EIA untuk kegiatan berkenaan.

7. Sekiranya kontraktor atau pihak yang beranggungjawab dalam projek ini masih belum mengemukakan Laporan EIA, pihak Jabatan Alam Sekitar perlu mengambil tindakan yang sewajarnya.
untuk ditetapkan seperti menyediakan laporan EIA seperti yang tertakluk dalam undang-undang alam sekeliling.

8. Sehubungan itu, PEKA memohon agar pihak YAB Dato' Sri dapat mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya dalam perkara ini demi kelestarian alam sekitar dan kemaslahatan penduduk di daerah Raub terutamanya dalam isu bekalan air bersih.

Sekian, terima kasih

***See Nature, See Life***

Yang benar,

**PUAN SRI TO' PUAN DATUK SHARIFFA SABRINA SYED AKIL**
**Presiden PEKA Malaysia**

**PERTUBUHAN PELINDUNG KHAZANAH ALAM MALAYSIA**
ORGANIZATION FOR THE PRESERVATION OF NATURAL HERITAGE MALAYSIA

(Reg. Num. PPM-028-10-24022011)
No15, Jalan Akuatik 13/77c, D'kayangan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel : +6 03-5512 1006 | Fax : +6 03-5511 1669 | Email : hello@pekamalaysia.org | website: www.pekamalaysia.org

S.K. 1) **YAB TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD**
**Perdana Menteri,**
Pejabat Perdana Menteri,
Bangunan Perdana Putra,
62502 PUTRAJAYA.

2) **YB DATO' SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB**
**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani,**
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani,
Aras 17, Wisma Tani,
No.28, Persiaran Perdana,
Presint 4,
62624 PUTRAJAYA.

3) **YB PUAN YEO BEE YIN**
**Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim,**
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim,
Aras 6, Blok C5, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62662 PUTRAJAYA.

4) **Y.B. DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM**
**Menteri Air, Tanah Dan Sumber Asli**
Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli,
Wisma Sumber Asli,
No.25 Persiaran Perdana, Presint 4,
62574 Putrajaya, Malaysia
Email: xavier@nre.gov.my

5) **YBM TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI**
**Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli,**
**Merangkap Ahli Parlimen Raub**
Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli,
Aras 5, Blok E4/5, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62668 PUTRAJAYA.

**PERTUBUHAN PELINDUNG KHAZANAH ALAM MALAYSIA**
ORGANIZATION FOR THE PRESERVATION OF NATURAL HERITAGE MALAYSIA

(Reg. Num. PPM-028-10-24022011)
No15, Jalan Akuatik 13/77c, D'kayangan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel : +6 03-5512 1006 | Fax : +6 03-5511 1669 | Email : hello@pekamalaysia.org | website: www.pekamalaysia.org

6) **YB ENCIK CHOW YU HUI**
ADUN Tras
NO. 211 Kampung Sempalit,
27600 Raub,
Pahang.
Email: chowyuhui@gmail.com

7) **YBHG. DATO' SRI MOHD. SHUKRI ABDULL**
Ketua Pesuruhjaya
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
Ibu Pejabat SPRM
No. 2, Lebuh Wawasan,
Presint 7, 62250 Putrajaya.

8) **YBHG. DATO' ABDUL KADIR BIN ABU HASHIM**
**Ketua Pengarah**
Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia
Km 10, Jalan Cheras
56100 Kuala Lumpur

9) **YBHG. DATO' DR. AHMAD KAMARULNAJUIB BIN CHE IBRAHIM**
**Ketua Pengarah**
Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar
Aras 1-2, Podium 2 & 3, Wisma Sumber Asli
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4
62574 Putrajaya, Malaysia

10) **YBHG. DATO' IR. DR. HJ. MD. NASIR BIN MD. NOH**
**Ketua Pengarah**
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50626 Kuala Lumpur
Malaysia
Email kp@water.gov.my

**PERTUBUHAN PELINDUNG KHAZANAH ALAM MALAYSIA**
ORGANIZATION FOR THE PRESERVATION OF NATURAL HERITAGE MALAYSIA

(Reg. Num. PPM-028-10-24022011)
No15, Jalan Akuatik 13/77c, D'kayangan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel : +6 03-5512 1006 | Fax : +6 03-5511 1669 | Email : hello@pekamalaysia.org | website: www.pekamalaysia.org

11) **YH. DATO' DR. MOHD HIZAMRI BIN MOHD YASIN**
**Pengarah Perhutanan Negeri**
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang
Tingkat 5, Kompleks Tun Razak, Bandar Indera Mahkota,
25990 Kuantan, Pahang, Malaysia.

12) **TUAN HAJI ROSLI BIN ZUL**
**Pengarah**
Jabatan Alam Sekitar Pahang
Tingkat 4-6, Bangunan Asia Life, Jalan Telok Sisek,
25662, Kuantan,
Pahang.

13) **ENCIK IR. JAMIL BIN SHAARI**
**Pengarah**
Jabatan Pengairan dan Saliran Pahang
Tingkat 8, Kompleks Tun Razak (KOMTUR),
Bandar Indera Mahkota,
25626 Kuantan, Pahang.

14) **YBHG. DATO' HAMADAN @ HAMDAN BIN HUSSIN**
**Pegawai Daerah Raub**
Pejabat Daerah Dan Tanah Raub
Jalan Tengku Abdul Samad
27600 Raub
Pahang Darul Makmur
Emel : hamdan@pahang.gov.my

# 5. APAKAH STATUS KAWASAN GEOPARK YANG TELAH/AKAN DIWARTAKAN BERIKUT?

- Status Geoport
- - Geopark Langkawi
- - Geopark Delta Sarawak
- - Geopark Kinta Perak
- - Geopark Tasik Kenyir Terengganu
- - Geopark Gunung Jerai Kedah

# Geopark Langkawi

Post Magazine

SIGN IN/UP

Magazines / Post Magazine

## Trouble in paradise: Langkawi struggles to hold onto Unesco geopark status

Having won Unesco geopark status, Langkawi is struggling to hold on to it, as the negative effects of tourism take their toll on the Malaysian archipelago's beauty. Words and pictures by Leisa Tyler

Leisa Tyler
Published: 11:15pm, 23 Aug, 2014

Why you can trust SCMP

4



Brahminy kites swoop to snatch chicken skins from the surface of the water in Langkawi's Kilim Karst Geoforest Park.

TOP PICKS

Magazines

Teaching yoga in Bali has never been more popular – or harder to

# Geopark Delta Sarawak

## Sarawak in final stages to establish Geopark

By Goh Pei Pei - September 26, 2019 @ 12:08pm

+ 12



Chief Minister Datuk Patinggi Abang Johari Abang Openg said the inventory study of geological heritage in Sarawak commenced since 2001 and the proposal to establish the geopark was accepted by the representative of United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (Unesco) in 2009. NSTP/HAZREEN MOHAMAD

KUCHING: The state government is in the final stages of developing the Sarawak Delta Geopark, which covers several areas of the Sarawak River Basin.

Chief Minister Datuk Patinggi Abang Johari Abang Openg said the inventory study of geological heritage in Sarawak commenced since 2001 and the proposal to establish the geopark was accepted by the representative of United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (Unesco) in 2009.

# Geopark Kinta Perak

BH ONLINE

BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA WANITA HUJUNG MINGGU SETULUS IKHL

BERITA » Nasional
Khamis, 25 Oktober 2018 | 12:51pm



SULTAN Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan berangkat pada majlis pemashyuran Lembah Kinta sebagai tapak geologi Geopark Kebangsaan di Taman Rekreasi Gunung Lang, Ipoh. - Foto L Manimaran

## Lembah Kinta dimasyhur sebagai Geopark Kebangsaan

Oleh Shamsul Kamal Amarudin
shaka@nstp.com.my

Share Tweet

IPOH: Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, hari ini berkenan memasyhurkan Lembah Kinta yang berkeluasan 1,952 kilometer persegi sebagai tapak geologi Geopark Kebangsaan.

Istiadat pemasyhuran itu disempurnakan baginda di Taman Rekreasi Gunung Lang di sini.

Menerusi pemasyhuran itu, Lembah Kinta yang meliputi keseluruhan daerah Kinta dan Kampar serta kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Ipoh (MBI), Majlis Daerah Batu Gajah dan Majlis Daerah Kampar, dibangunkan secara lestari serta mengambil kira kepentingan alam sekitar, sekali gus menjadi pemangkin kepada aktiviti eko-pelancongan, geo-pelancongan serta aktiviti pendidikan dan penyelidikan bertaraf dunia.

# Geopark Tasik Kenyir Terengganu

## Terengganu urged to declare Tasik Kenyir a geopark

Bernama - September 2, 2019 10:34 PM

54 Shares 43



*Tasik Kenyir is the largest man-made lake in Southeast Asia, and home of the 16,000-year-old 'Bewah Man'. (Bernama pic)*

KUALA BERANG: The Terengganu state government has been urged to declare a geopark at Tasik Kenyir to ensure preservation of its natural heritage and history.

Biodiversity researcher Hazman Samsudin of Universiti Malaysia Terengganu, said a proposal for a geopark at Tasik Kenyir was mooted in 2011, but it had not been realised until now.

# Geopark Gunung Jerai Kedah

BH ONLINE

BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA WANITA HUJUNG MINGGU SETULUS IKHLA

BERITA » Wilayah
Sabtu, 24 November 2018 | 3:35pm

UNTUK MASA TERHAD
Tiada bayaran tempahan
NOW



SULTAN Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah pada majlis pemasyhuran Geopark Jerai sebagai Geopark Kebangsaan di kaki Gunung Jerai. - Foto BERNAMA

## Geopark Jerai dimasyhurkan sebagai Geopark Kebangsaan

Oleh Muhammad Mustakim Ramli
m.mustakim@nstp.com.my

Share Tweet

ALOR SETAR: Geopark Jerai secara rasmi dimasyhurkan sebagai Geopark Kebangsaan, hari ini, sempena Istiadat Pertabalan Sultan Kedah Ke-29.

Majlis pemasyhuran itu disempurnakan Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah di kaki Gunung Jerai, Jerai, dekat sini.

# 6. MASALAH PEMBALAKAN & PERTANIAN DI TANAH TINGGI

- \- Fraser's Hill
- \- Cameron Highlands

# Fraser's Hill

## Death of logging operator revealed logging activities near Fraser's Hill

By TN Alagesh - October 6, 2017 @ 7:39pm



The illegal logging activities taking place near Kg Bukit Telaga in Fraser's Hill. File pic by ZUNNUR AL SHAFIQ.

KUANTAN: It was the tragic death of a logging operator which eventually exposed logging activities at Fraser's Hill in Raub, which could pose a threat to the fragile ecosystem at one of the country's popular highland retreats.

Seow Ah Kiat, 63, was awarded the contract to conduct logging works at the site, located not far from

## Stop order issued on all logging activities near Fraser's Hill

By Hidir Reduan - September 24, 2017 @ 2:15pm



The Pahang Forestry Department has issued a stop order on all logging activities near Fraser's Hill here. NSTP file pic

RAUB: The Pahang Forestry Department has issued a stop order on all logging activities near Fraser's Hill here.

In a statement issued today, Natural Resources and Environment Minister Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar said that the order, issued on Sept 8, covers the removal of logs and the construction of roads to logging sites.

He said the order was issued pursuant to opposition raised by the Association for the Protection of the Natural Heritage of Malaysia (Peka) president Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil.

# Cameron Highlands

## Is there still a sustainable future?

By Zakri Abdul Hamid - July 16, 2018 @ 11:20am



A vegetable farm in Cameron Highlands. Large tracts of the highlands' pristine mountainous forest have been cleared for intensive farming of vegetables and flowers.

IN former British colonies such as India, Kenya, Malaysia and Sri Lanka, it is quite common to find so-called "hill stations" in the mountains established by the colonialists looking for a cool escape from the steamy temperatures and humidity of the tropical lowlands.

## Isu Cameron Highlands: Henti teroka tanah secara rakus

NORAWAZNI YUSOF | | 25 Disember 2019



Gambar hiasan

KUANTAN - Kerajaan Pahang diingatkan supaya tidak membiarkan tanah di Cameron Highlands diteroka secara rakus oleh pihak berkepentingan yang kononnya berorientasikan pembangunan ekonomi.

# Eksklusif: 'Tanah mati' ancam Cameron Highlands

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my


Jumaat, 29 Mei 2020 - 5:44PM

BH ONLINE

#DudukRumah • Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat tempoh tamat 11 Hari 06 Jam 08 Minit

BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA WANITA HUJUNG MINGGU SETULUS IKHL

BERITA » Nasional
Ahad, 12 Mei 2019 | 4:07pm

Download Chrome Browser
Install Offline, Device-based G
Policies & More. Deploy Chror
Google

PENGGUNAAN Struktur Pelindung Hujan dan pembajaan secara berlebihan tanpa kawalan menyebabkan tanah di sekitar Cameron Highlands berisiko menjadi tanah mati. - NSTP/Aizuddin Saad

Eksklusif: 'Tanah mati' ancam Cameron Highlands
Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my



Pembukaan ladang sayur secara meluas dan terkawal di lereng-lereng bukit boleh mengganggu ekosistem alam sekitar. - NSTP/Aizuddin Saad

https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/05/562997/eksklusif-tanah-mati-ancam-cameron-highlands

No Rujukan: schc/phg/001-13

Tarikh: 23hb Julai 2013

**YAB Dato' Sri DiRaja Haji Adnan bin Haji Yaakob**
Menteri Besar Pahang
Pejabat Menteri Besar
Wisma Sri Pahang
25503 Kuantan
Pahang Darul Makmur

*YAB Dato' Sri,*

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**PEMBANGUNAN LUAR KAWALAN YANG BERLELUASA DI CAMERON HIGHLANDS**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

Pihak kami yang terdiri daripada gabungan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang dinamakan **"Save Cameron Highlands Coalition" (Gabungan Selamatkan Cameron Highlands)** merasa amat kesal dengan tahap pembangunan yang tidak terkawal dan berleluasa di Cameron Highlands sejak sepuluh (10) tahun yang lalu.

Untuk makluman YAB Dato' Sri, pihak kami juga amat dukacita dengan sikap pihak berkuasa tempatan yang mengambil ringan terhadap aduan yang telah dibuat dari masa ke semasa oleh NGO tempatan iaitu Regional Environmental Awareness Cameron Highlands (REACH) mengenai perkara ini.

Kami ingin menarik perhatian YAB Dato' Sri kepada beberapa isu berhubung dengan pembangunan dan kemusnahan ekosistem Cameron Highlands yang



akan meninggalkan kesan buruk kepada warga Cameron Highlands khususnya dan alam sekitar umumnya jika tidak diberi perhatian segera. Di antaranya adalah:

1. Penerokaan dan penggondolan semakin banyak kawasan hutan untuk tujuan pertanian atau pembangunan infrastruktur seperti perumahan dan komersial mengakibatkan:

   1.1 *hakisan tanah;*

   1.2 pemendapan kelodak dalam sungai yang menyebabkan sungai menjadi semakin cetek dan menjadi penyebab utama banjir di hilir sungai; dan

   1.3 gangguan kepada kepelbagaian flora dan fauna ekosistem hutan dan sungai;

2. Kelemahan pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam pengurusan airsisa serta sisa pepejal yang menyebabkan masalah-masalah alam sekitar seperti pencemaran air dan seumpamanya; dan

3. Risiko kemelesetan kualiti bekalan air domestik dengan adanya lebih daripada 80 buah ladang sayur di hulu Sg. Terla yang membekalkan 90% sumber air domestik terawat untuk Cameron Highlands. Berdasarkan undang-undang, sepatutnya tiada sebarang aktiviti pertanian dibenarkan beroperasi di hulu Sg. Terla kerana ia boleh menjejaskan kualiti air mentah, tambahan pula dengan penggunaan racun serangga dan baja tidak mesra alam yang berleluasa serta tandas-tandas untuk para pekerja yang akan membebaskan sisa kumbahan terus ke dalam sungai berkenaan tanpa sebarang rawatan.

Memandangkan keadaan masalah-masalah ini semakin meruncing, pihak kami dengan rendah diri ingin mencadangkan pelaksanaan langkah-langkah berikut:

1. Penguatkuasaan yang lebih kuat, telus dan efisien yang melibatkan pelbagai pihak (multi-sectoral) iaitu pihak berkuasa tempatan, Kerajaaan Negeri Pahang, dan Kerajaan Persekutuan;

2. Pemindahan SEGERA lebih 80 buah ladang yang terletak di hulu Sg Terla dan menyekat SEMUA pembangunan di dalam kawasan tadahan Sg Terla;

3. Pelaksanaan pengurusan sisa pepejal domestik dan sisa pepejal pertanian di Cameron Highlands *secara bersepadu (integrated), termasuk pengumpulan,* pengasingan, guna semula, insinerasi dan pembuangan terakhir (final disposal) di tapak pembuangan yang sanitari; dan

4. Mengeluarkan pemberhentian kerja (Stop-Work Order) serta-merta kepada semua pembangunan yang tidak termasuk dalam Rancangan Tempatan Cameron Highlands sebelum adanya penilaian alam sekitar yang menyeluruh (comprehensive).

Pihak kami berharap mendapat maklum balas dari pihak YAB Dato' Sri mengenai perkara ini. Sebagai masyarakat Malaysia yang prihatin, kami percaya perkara-perkara yang diutarakan ini adalah atas dasar tanggungjawab kami demi kebaikan rakyat Malaysia. Untuk sebarang maklumat lanjut, pihak YAB Dato' Sri bolehlah menghubungi Profesor Dr. Maketab Mohamad di 019-735-5000 atau Encik Ramakrishnan a/l Ramasamy di 013-503-9696.

Segala kerjasama pihak YAB Dato' Sri adalah amat dihargai dan didahului dengan berbanyak terima kasih.

Sekian, wassalam.

**Gabungan Selamatkan Cameron Highlands**

**(Save Cameron Highlands Coalition)**

1. Regional Environmental Awareness Cameron Highlands (REACH);
2. Malaysian Nature Society (MNS)
3. Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam (PEKA)
4. EcoKnights



sk Anggota Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Pahang

Y.A.B. DATO' SRI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK

Y.A.B. TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN MOHD. YASSIN

Y.B. DATUK SERI PALANIVEL A/L K. GOVINDASAMY

# 7. PERLOMBONGAN & PEMBALAKAN MELIBATKAN KEMUSNAHAN KUALITI & KEJATUHAN PENDAPATAN TASIK AIR TAWAR/TADAHAN AIR/KESTABILAN SUHU/EKO SISTEM/NELAYAN DARAT:

- Tasik Chini
- Empangan Ulu Muda
- Tasik Kenyir

# TASIK CHINI


Lombong bijih besi rosakkan alam sekitar di Tasik Chini

Watch later

Share

YouTube

## Masa depan Tasik Chini makin kelam

Oleh Wartawan BH
bhnews@bh.com.my

Share Tweet

PEKAN: Masa depan Tasik Chini yang terkenal dengan mitos kewujudan naga dan destinasi tarikan eko pelancongan semakin kelam apabila penerokaan tanah serta perlombongan di Bukit Ketaya yang berhampiran, dikesan terus berleluasa.

Keistimewaan 12 tasik air tawar seluas 5,084 hektar yang turut menjadi penyumbang ekonomi masyarakat setempat melalui pelancongan dan penangkapan ikan, turut terjejas apabila air tasik bertukar keruh.


**Harian Metro**
31 mins •

**#pekan** Persekitaran Rizab Biosfera UNESCO terjejas akibat pembalakan, perlombongan tidak terkawal
http://bit.ly/2lEVmlm

**Tasik Chini makin nazak**
Pekan: Tasik Chini yang diiktiraf Rizab...
Harian Metro


Khamis. 21.02.2019
16 Jamadilakhir 1440H

BH Berita Harian

MERENTAS GENERASI www.bharian.com.my

**TASIK CHINI TERANCAM**

Tinjauan wartawan dan jurugambar NSTP di Tasik Chini mendapati kawasan bukit sekitar semakin gondol dan airnya keruh angkara penerokaan tanah dan perlombongan tanpa kawalan hanya kira-kira 150 meter dari tasik sehingga jejaskan ekonomi masyarakat setempat terutama aktiviti pelancongan, perikanan. → Ms.4

EKSKLUSIF

Lawatan PEKA Malaysia pada13hb Disember 2016.



**Papan tanda Projek lombong bijih besi di kawasan Tasik Chini**








Takungan air berhampiran lombong bijih besi yang kelihatan mengeluarkan buih yang dipercayai mengandungi bahan kimia. Air dari kolam ini mengalir masuk ke Tasik Chini.



# Kawasan /Kemudan Pelancongan yang ada









# 'Lake may lose Unesco listing'

**NSTP Report February 22, 2019**

The *New Straits Times* had recently reported that Tasik Chini, the second largest freshwater lake in Malaysia, was at risk of destruction due to rampant iron ore mining at Bukit Ketaya near the lake.




*A view of Tasik Chini in 2016. NSTP file pic*




*A picture taken on 21st Feb 19 showing tracts of land near the lake that have been cleared. PIC BY FARIZUL HAFIZ AWANG*

# EMPANGAN ULU MUDA

>> EDISI > UTARA > Kedah pertimbang teruskan pembalakan di luar Ulu Muda

## Kedah pertimbang teruskan pembalakan di luar Ulu Muda

ROSLINDA HASHIM | | 26 Mei 2020



Muhammad Sanusi Md Nor

ALOR SETAR - Kerajaan Kedah bersedia mempertimbangkan aktiviti pembalakan diteruskan namun hanya melibatkan kawasan di luar Hutan Simpan Ulu Muda.

Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi Md Nor berkata, semua aktiviti pembalakan yang akan dibenarkan tertakluk pada peraturan sedia ada yang dikuatkuasakan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.




Sumber air bagi hampir empat juta penduduk di tiga negeri - Kedah, Pulau Pinang dan Perlis - dikhuatiri terancam jika Hutan Simpan Ulu Muda (HSUM) di Kedah tidak diwartakan sebagai Taman Negeri.

## Ulu Muda terancam



Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Sumber air bagi hampir empat juta penduduk di tiga negeri - Kedah, Pulau Pinang dan Perlis - dikhuatiri terancam jika kawasan Hutan Simpan Ulu Muda (HSUM) di Kedah tidak diwartakan sebagai Taman Negeri.

Kegagalan berbuat demikian juga boleh mengancam pengeluaran makanan dari kawasan Jelapang Padi Negara yang menerima air dari hutan simpan berkenaan bagi tujuan pengairan sawah. Sawah di Kedah dan selatan Perlis menyumbang 45 hingga 50 peratus pengeluaran beras negara.

Sumber air di HSUM boleh terancam melalui aktiviti pembalakan dan penerokaan, sama ada secara sah atau haram serta perubahan iklim. Lokasi itu hanya berstatus hutan simpan yang membenarkan aktiviti pembalakan di kawasan tertentu bagi tempoh setiap 35 tahun.

# Tasik Kenyir



## Sungai Lasir keruh: Terengganu arah henti pembalakan

FARAH SHAZWANI | | 20 Julai 2019



Keadaan Air Terjun Lasir di Tasik Kenyir yang keruh. Gambar kecil:Ariffin Deraman

Pelesen diminta buat kerja pemulihan air

KUALA TERENGGANU- Kerajaan negeri telah menahan sementara semua aktiviti pembalakan berhampiran kawasan Air Terjun Lasir di Tasik Kenyir yang dikatakan menjadi punca kekeruhan air di kawasan pelancongan itu.

Exco Pelancongan, Kebudayaan dan Teknologi Maklumat negeri, Ariffin Deraman berkata, kerajaan melalui Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT) juga telah mengarahkan pelesen menjalankan kerja pemulihan dan mengambil langkah mitigasi (mengurangkan) kesan aktiviti itu.

# 8. AKTIVITI PERLOMBONGAN ION ORE/NADIR BUMI/MANGANESE DI :

- - Bauxite Kuantan
- - Lynas Kuantan
- - Kuala Koh Kelantan

# 8.1 ISU LOMBONG BAUKSIT DI KUANTAN SETELAH MORATORIUM TIDAK DISAMBUNG





Kesan dari aktiviti perlombongan bauksit di Kuantan, Pahang

# Bauxite mine operators optimistic

By T.N.Alagesh - November 8, 2019 @ 2:30pm




Licensed bauxite mine operators can breathe a sigh of relief as mining set to resume next year. (NSTP File Pic)

KUANTAN: Licensed bauxite mine operators can breathe a sigh of relief as mining is set to resume next year.

Although the moratorium ended on March 31, no bauxite mining and export activities were allowed in Pahang, leaving operators anxiously waiting to resume work after four years.

Pahang Mining Operators Association vice-president Datuk Yap Soon Huat welcomed the statement by Water, Land and Natural Resources Minister Dr A. Xavier Jayakumar on Monday to issue mining licences by the end of next month or early next year.

He described it as good news for the bauxite industry in Pahang.

"Finally, there is something to cheer after a long wait. The mining licences will be issued and followed by a six-month trial period... this will allow mining and export of the ore.

"We want to move on. Let the trial run be conducted to gauge the effectiveness of the new standard operating procedure. I believe once mining begins, the authorities can monitor and make changes if necessary," he said.

Felda Bukit Goh Village Community Management Council chief Jefri Salim said the settlers were relieved to learn that the government would allow mining next year.

# Perlombongan bauksit boleh diteruskan - MB

Share Tweet

MyMetro > Mutakhir




LOMBONG bauksit sekitar Felda Bukit Goh. FOTO Muhd Asyraf Sawal.

Asrol Awang
*am@hmetro.com.my*

MENTERI Besar, Datuk Wan Rosdy Wan Ismail mengesahkan aktiviti perlombongan bauksit boleh dimulakan pada bila-bila masa.

Katanya, ketika ini, kerajaan negeri meminta operator yang berminat mengusahakan aktiviti itu mengemukakan permohonan secara rasmi.

"Operator berkenaan perlu mematuhi peraturan dan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli.

"Kerja perlombongan bauksit di Pahang kini sedang menunggu masa untuk dimulakan semula," katanya.

## Mutakhir

- **Tetak kenalan, langgar 6 kenderaan, larikan kereta**
- **Hasebe kebanggaan Asia di Bundesliga**
- **PKPB berlalu, PKPP datang**
- **Naungan Allah bagi pemimpin yang adil**
- **Bantu lonjak industri automotif negara**

# 8.2 ISU LYNAS KUANTAN

## Lynas licence extension: High Court sets March 25 to hear Kuantan residents' challenge against Cabinet decision

Hafiz Yatim / theedgemarkets.com
January 21, 2020 13:21 pm +08

LIMITED TIME ONLY Ready for move-in NOW Setia




KUALA LUMPUR (Jan 21): The High Court here had today fixed March 25, 2020 to hear the merits of the challenge against the government and Cabinet's decision to grant Lynas Malaysia Sdn Bhd a six-month extension licence to operate its rare earths separation plant at the Gebeng Industrial Estate near Kuantan, Pahang.

High Court judge Datuk Nordin Hassan fixed the date in his chambers today. The court had

## Three Kuantan residents file judicial review over Lynas' licence renewal

NATION
Saturday, 18 Jan 2020
10:30 AM MYT
By ONG HAN SEAN



KUANTAN: Lynas Corporation Limited's solicitors have received documents filed by three Kuantan residents for a judicial review to challenge the government's decision on renewing the rare earths miner's operating licence at the Kuala Lumpur High Court.

Company secretary Andrew Arnold said in a statement that Lynas had full confidence in the robustness of the Malaysian judicial system.

"While every case will be decided on its merits, these individuals (and persons believed to be associated with them) have lodged several previous court challenges, all of which have been dismissed," he said.






## Status tapak pembinaan PDF Lynas di Bukit Ketam belum muktamad

Asrol Awang
bhnews@bh.com.my

Share Tweet

KUANTAN: Kerajaan Pahang masih menunggu keputusan daripada kerajaan Pusat berhubung cadangan pembinaan tapak pelupusan kekal (PDF) sisa pemprosesan nadir bumi yang dikatakan dibina di Bukit Ketam, di sini.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan negeri, Abd Rahim Muda, berkata Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) akan membuat keputusan sebelum kerajaan Pusat mengumumkannya.

# 8.3 ISU LOMBONG MANGANESE DI KUALA KOH, GUA MUSANG, KELANTAN.



theSundaily

LOCAL WORLD BUSINESS SPORT ENT & LIFESTYLE SPOTLIGHT OPINION GEAR UP! SUPPLEMENT MEDIA & MARKETING

## UMK study shows Kuala Koh rivers may be contaminated

16 JUL 2019 / 12:40 H.

RELATED NEWS

Selangor MB says ye
call from PKR discip
Local 27 Jul 2019 / 15:16

400 illegals to take u
Dept's initial 'Back fo
Local 27 Jul 2019 / 11:54

Focus on developme
world-class athletes
Local 27 Jul 2019 / 11:16

Negri govt finding ho
who lost mom



## Manganese mine in Kuala Koh sealed, says Ahmad Yakob

Bernama · June 30, 2019 8:26 PM

27 Shares 18 7 2

*The mining activities came to light after a pneumonia outbreak that caused the deaths of 14 Orang Asli. (Bernama pic)*

KOTA BHARU: The Mineral and Geoscience Department has sealed the manganese mine in Aring 11 Kuala Koh, Gua Musang, since June 11 after mining activities there were found to have been carried out without its permission.

MOST VIEWED LAST 2 DAYS

DNA test can confirm baby's dad, Oksana's friend tells sultan
July 25, 2019 5:24 PM

Decision to build navy ships in China 'penny wise, pound foolish', says Najib
July 26, 2019 4:21 PM

Najib may lose MP seat over tax arrears case, says lawyer
July 25, 2019 6:54 PM

Najib mungkin hilang kerusi Pekan dalam saman tunggakan cukai RM1.69 bilion, kata peguam
July 25, 2019 7:39 PM

AirAsia tells travellers at Penang airport to be extra early
July 26, 2019 7:24 PM

Malaysia tells why it's taking back returning militants
July 26, 2019 12:08 PM

Is Pakatan Harapan a one-term wonder?

## ALS Life Sciences

### *RESULT OF INVESTIGATION STUDY ON WATER POLLUTION AT KAMPUNG ARING 10, KUALA KOH, GUA MUSANG, KELANTAN*

| | |
|---|---|
| DATE SAMPLES RECEIVED | : 10 JUNE 2019, 18:00 HRS |
| ISSUE DATE | : 24 JUNE 2019, 18:01 |
| CLIENT | : DR. ZAKI ZAINUDDIN |
| ADDRESS | : NO. 15, JALAN AKUATIK 13/77C, LAMAN D'KAYANGAN, SEKSYEN 13, 40100 SHAH ALAM, SELANGOR |
| SAMPLER | : NOR HAYATI BINTI SHAHROM |
| CODE NUMBER | : KL2019DRZAKI10001 |



ALS Life Sciences

CERTIFICATE OF ANALYSIS

| | | | |
|---|---|---|---|
| Work Order | : KL1905659 | Page | : 1 of 5 |
| Amendment | : 2 | | |
| Client | : DR ZAKI ZAINUDIN | Laboratory | : ALS Technichem (M) Sdn. Bhd. |
| Contact | : DR ZAKI ZAINUDIN | Contact | : AbdulQaiyum Musa |
| Address | : NO 15, JALAN AKUATIK 13/77C, TAMAN D'KAYANGAN, SEKSYEN 13, 40100 SHAH ALAM, SELANGOR, SHAH ALAM 40100 | Address | : WISMA ALS, 21, Jalan Astaka U8/84, Bukit Jelutong Shah Alam Selangor Malaysia 40150 |
| E-mail | : zakizainudin@outlook.com | E-mail | : AbdulQaiyum.Musa@alsglobal.com |
| Telephone | : ---- | Telephone | : +60175552985 |
| Facsimile | : ---- | Facsimile | : +603 7845 8258 |
| Project | : INVESTIGATION STUDY ON WATER POLLUTION AT KG. KUALA KOH | QC Level | : ALS Malaysia Standard Quality Schedule |
| Order number | : | Date Samples Received | : 10-Jun-2019 18:00 |
| C-O-C number | : ---- | Date Analysis Commenced | : 11-Jun-2019 |
| Sampler | : NOR HAYATI BT SHAHROM | Issue Date | : 24-Jun-2019 18:01 |
| Site | : ---- | | |
| | | No. of samples received | : 4 |
| Quote number | : KL2019DRZAKI0001 | No. of samples analysed | : 4 |

This report supersedes any previous report(s) with this reference. Results apply to the sample(s) as submitted.

This Certificate of Analysis contains the following information:

- General Comments
- Analytical Results

ilac-MRA

STANDARDS MALAYSIA

MS ISO/IEC 17025 TESTING SAMM NO. 147

*Signatories*

This laboratory is accredited under STANDARDS MALAYSIA. The tests reported herein have been performed in accordance with laboratory's Terms of Accreditation. This document has been electronically signed by authorized signatories indicated below. Electronic signing has been carried out in compliance with procedure specified in 21 CFR Part 11.

| Signatories | Position |
|---|---|
| Norain Yahya | Chemist (IKM No: M/4233/7042/15) |
| Nuramira Abdmalek | Chemist (IKM No: M/4867/8027/18) |
| SuAnn Lee | Lab Manager - Microbiology (MJMM No: 0288) |

*Please direct all technical queries to the laboratory (Reports.KL@alsglobal.com)

RIGHT SOLUTIONS | RIGHT PARTNER

### *Analytical Result*

| | | | | W1 | W2 | W3 | W4 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Compound | Method | LQR | Unit | | | | |
| Metals and Major Cations - Dissolved | | | | | | | |
| Manganese | APHA3125B | 0.0010 | mg/L | 0.0529 | 0.0550 | 0.850 | 0.580 |

***Manganese also exceeded the recommended drinking threshold of 0.1 mg/L at W3 and W4 (0.854 mg/L and 0.580 mg/L respectively)**

### *Water Collection Process*



W1

First water sample collection was done on 9 June 2019, 1120 hrs, in a stream located 500 metre away from the Kampung Aring 10. The waterway was used by the children and women of indigenous group Bateq for the consumption and sanitation purposes – before deaths were reported.



W2

Second water sample collection was done in 400 metre away before reachingng Kampung Aring 10, the conjunction between 2 rivers on 9 June 2019, 1145 hrs. The waterway was also used by the children of Bateq for the consumption and sanitation purposes.



W3

Third water sample collection was taken in the area of temporary settlement located about 1.5 km from their origin settlement on 9 June 2019, 1250 hrs. This temporary settlement was set up since first death occurred – 2nd May 2019. The indigenous group decided to move into this area (W3), considering that this location was first used by them daily to collect and transport their water from.

**(Origin settlement faced 8 months long absence of water supply)**



W4

Forth water sample collection was taken from mining area located about 2 km upstream from the temporary settlements on 9 June 2019, 1420 hrs.

***Summary***

Comments by **Ir. Dr. Zaki Zainuddin**

*Water Quality and Modeling Specialist*

"The laboratory analysis results did not depict anything out of the ordinary; most metals species remained low or undetected. A comprehensive analysis of organochlorine and organophosphorus based pesticides also did not detect these constituents.

That so, ***Iron (Fe)*** in the samples, were either close to; or **exceeded** the Ministry of Health Malaysia recommended threshold of **0.3 mg/L** for drinking. ***Manganese*** also **exceeded** the recommended drinking threshold of **0.1 mg/L** at W3 and W4 (**0.854 mg/L** and **0.580 mg/L** respectively).

Organics (COD) and nutrients (NH3-N, NO3-N and T-P) were low**. Coliform** presence means the

water definitely **should NOT be consumed without boiling**.

In summary, the water was relatively "clean" with the exception of manganese at W3 and W4. Because of this; water at W3 and W4 **should not be consumed**.

- *The samples were collected by PEKA staff, Ms. NOR HAYATI BT SHAHROM (016-608 4510).*

As to the origin of iron (Fe) and manganese (Mn); these substances are fairly common in soil. Because of land-water interactions; these substances also find their way naturally into surface water courses such as rivers and lakes.

However, the transport of these substances may also be exacerbated by activities such as mining, land-clearing, agriculture etc.; where they are transported by erosion/runoff during rain.

***Reference Links:***

1) **DRINKING WATER QUALITY SURVEILLANCE PROGRAMME – MINISTRY OF HEALTH**
http://kmam.moh.gov.my/public-user/drinking-water-quality-standard.html

| PARAMETER | GROUP | RECOMMEND RAW WATER QUALITY | DRINKING WATER QUALITY STANDARD |
|---|---|---|---|
| | | Acceptable Value (mg/litre (unless otherwise stated)) | Maximum Acceptable Value (mg/litre (unless otherwise stated)) |
| Manganese | 2 | 0.2 | 0.1 |

**(*This result can be referred to page 3 on the attachment – ALS Life Sciences Analytical Report*)**

2) **DRINKING WATER HEALTH ADVISORY ON MANGANESE**
https://www.epa.gov/sites/production/files/201409/documents/support_cc1_magnese_dw_report_0.pdf

"………Manganese is naturally occurring in many surface and ground water sources and in soils that may erode into these waters. However, human activities are also responsible for much of the manganese contamination in water in some areas."

3) **Chemical properties of manganese - Health effects of manganese - Environmental effects of manganese**
https://www.lenntech.com/periodic/elements/mn.htm

"…Effects of Manganese to human's health.

Manganese effects occur mainly in the **respiratory tract** and **in the brains**. Symptoms of manganese poisoning are hallucinations, forgetfulness and nerve damage. Manganese can also cause Parkinson, lung embolism and bronchitis. When men are exposed to manganese for a longer period of time they may become impotent.

A syndrome that is caused by manganese has symptoms such as schizophrenia, dullness, weak muscles, headaches and insomnia."


Is manganese dangerous to health?

**Manganese** is one out of three **toxic** essential trace elements, which means that it is not only necessary for **humans** to survive, but it is also **toxic** when too high concentrations are present in a human body. ... **Manganese** effects occur mainly in the respiratory tract and in the brains.

https://www.lenntech.com › elemei

ALS Life Sciences

# CERTIFICATE OF ANALYSIS

| | | | |
|---|---|---|---|
| Work Order | : **KL1905659** | Page | : 1 of 5 |
| Amendment | : **2** | | |
| Client | : **DR ZAKI ZAINUDIN** | Laboratory | : ALS Technichem (M) Sdn. Bhd. |
| Contact | : DR ZAKI ZAINUDIN | Contact | : AbdulQaiyum Musa |
| Address | : NO 15, JALAN AKUATIK 13/77C, TAMAN D'KAYANGAN, SEKSYEN 13, 40100 SHAH ALAM, SELANGOR, SHAH ALAM 40100 | Address | : WISMA ALS, 21, Jalan Astaka U8/84, Bukit Jelutong Shah Alam Selangor Malaysia 40150 |
| E-mail | : zakizainudin@outlook.com | E-mail | : AbdulQaiyum.Musa@alsglobal.com |
| Telephone | : ---- | Telephone | : +60175552985 |
| Facsimile | : ---- | Facsimile | : +603 7845 8258 |
| Project | : INVESTIGATION STUDY ON WATER POLLUTION AT KG. KUALA KOH | QC Level | : ALS Malaysia Standard Quality Schedule |
| Order number | : | Date Samples Received | : 10-Jun-2019 18:00 |
| C-O-C number | : ---- | Date Analysis Commenced | : 11-Jun-2019 |
| Sampler | : NOR HAYATI BT SHAHROM | Issue Date | : 24-Jun-2019 18:01 |
| Site | : ---- | | |
| | | No. of samples received | : 4 |
| Quote number | : KL2019DRZAKI0001 | No. of samples analysed | : 4 |

This report supersedes any previous report(s) with this reference. Results apply to the sample(s) as submitted.

This Certificate of Analysis contains the following information:

- General Comments
- Analytical Results

ilac-MRA

STANDARDS MALAYSIA ACCREDITED LABORATORY

MS ISO/IEC 17025 TESTING SAMM NO. 147

*Signatories*

This laboratory is accredited under STANDARDS MALAYSIA. The tests reported herein have been performed in accordance with laboratory's Terms of Accreditation. This document has been electronically signed by authorized signatories indicated below. Electronic signing has been carried out in compliance with procedure specified in 21 CFR Part 11.

| *Signatories* | *Position* |
|---|---|
| Norain Yahya | Chemist (IKM No: M/4233/7042/15) |
| Nuramira Abdmalek | Chemist (IKM No: M/4867/8027/18) |
| SuAnn Lee | Lab Manager - Microbiology (MJMM No: 0288) |

*Please direct all technical queries to the laboratory (Reports.KL@alsglobal.com)

## General Comments

The analytical procedures used by the Environmental Division have been developed from established internationally recognized procedures such as those published by the USEPA, APHA, ASTM, NIOSH and BS EN. In house developed procedures are employed in the absence of documented standards or by client request.

Where moisture determination has been performed, results are reported on a dry weight basis.

Where a reported less than (<) result is higher than the LOR, this may be due to primary sample extract/digestate dilution and/or insufficient sample for analysis.

Where the LOR of a reported result differs from standard LOR, this may be due to high moisture content, insufficient sample (reduced weight employed) or matrix interference.

When sampling time information is not provided by the client, sampling dates are shown without a time component. In these instances, the time component has been assumed by the laboratory for processing purposes.

Key : CAS Number = CAS registry number from database maintained by Chemical Abstracts Services. The Chemical Abstracts Service is a division of the American Chemical Society.
LOR = Limit of reporting
^ = This result is computed from individual analyte detections at or above the level of reporting
ø = ALS is not accredited for these tests.
~ = Indicates an estimated value.

- ALS TECHNICHEM prepares this Test Report based on the tests requested and on the specific sample(s) submitted for analysis. The significance of this Report is subject to the adequacy and representative character of the sample(s) and to the comprehensiveness of the tests requested or made. ALS TECHNICHEM assumes no responsibility for variations in quality or other characteristic of the product produced or supplied under conditions over which ALS TECHNICHEM has no control.
  ALS TECHNICHEM acts for the customer from whom the instructions to act have originated. No other party is entitled to give instructions, particularly on the scope of analysis or delivery of report or certificate, unless so authorized by the customer.
- ALS TECHNICHEM undertakes to exercise due care and skill in the performance of its analytical and consultancy services but no warranties are given and none may be implied directly or indirectly relating to ALS TECHNICHEM's test results, services or facilities. In no event shall ALS TECHNICHEM be liable to collateral, special or consequential damage.
- Result < LOR = Not Detected (ND)
- Where moisture determination has been performed, results are reported on a dry weight basis.

## Analytical Results

| Sub-Matrix: WATER | | | Client sample ID | W1 | W2 | W3 | W4 | ---- |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | Sampling date/time | 09-Jun-2019 11:20 | 09-Jun-2019 11:40 | 09-Jun-2019 12:20 | 09-Jun-2019 13:50 | ---- |
| Compound | Method | LOR | Unit | KL1905659-001 | KL1905659-002 | KL1905659-003 | KL1905659-004 | -------- |
| **Physical and Aggregate Properties** | | | | | | | | |
| Conductivity | APHA2510B | 1 | µS/cm | 158 | 128 | 94 | 108 | ---- |
| pH Value | APHA4500H+B | 0.1 | pH Unit | 7.0 | 6.8 | 7.0 | 7.0 | ---- |
| Salinity | APHA2520B | 0.1 | parts/1000 | <0.1 | <0.1 | <0.1 | <0.1 | ---- |
| Total Suspended Solids | APHA2540D | 1 | mg/L | 2 | 2 | 99 | 11 | ---- |
| Turbidity | APHA2130B | 1.0 | NTU | 7.4 | 9.0 | 102 | 28.4 | ---- |
| **Aggregate Organics** | | | | | | | | |
| Chemical Oxygen Demand | APHA5220D | 1 | mg/L | 16 | 17 | 20 | 18 | ---- |
| **Inorganic and Nonmetallic Properties** | | | | | | | | |
| Ammonia as N | APHA4500 NH3 G | 0.01 | mg/L | <0.01 | <0.01 | <0.01 | 0.02 | ---- |
| Nitrate as N | APHA4500-NO3-H | 0.01 | mg/L | <0.01 | <0.01 | 0.22 | <0.01 | ---- |
| Total Phosphorus as P | APHA4500P-B-F | 0.01 | mg/L | <0.01 | 0.05 | 0.04 | 0.14 | ---- |
| **Metals and Major Cations - Dissolved** | | | | | | | | |
| Aluminium | APHA3125B | 0.0010 | mg/L | 0.0158 | 0.0270 | 0.147 | 0.0483 | ---- |
| Arsenic | APHA3125B | 0.0010 | mg/L | <0.0010 | <0.0010 | <0.0010 | <0.0010 | ---- |
| Cadmium | APHA3125B | 0.0005 | mg/L | <0.0005 | <0.0005 | <0.0005 | <0.0005 | ---- |
| Copper | APHA3125B | 0.0010 | mg/L | <0.0010 | <0.0010 | 0.0014 | <0.0010 | ---- |
| Iron | APHA3125B | 0.0010 | mg/L | 0.226 | 0.477 | 0.271 | 0.290 | ---- |
| Lead | APHA3125B | 0.0010 | mg/L | <0.0010 | <0.0010 | 0.0013 | <0.0010 | ---- |
| Manganese | APHA3125B | 0.0010 | mg/L | 0.0529 | 0.0550 | 0.854 | 0.580 | ---- |
| Mercury | APHA3125B | 0.0010 | mg/L | <0.0010 | <0.0010 | <0.0010 | <0.0010 | ---- |
| Nickel | APHA3125B | 0.0010 | mg/L | <0.0010 | <0.0010 | <0.0010 | <0.0010 | ---- |
| **Organochlorine Pesticides** | | | | | | | | |
| alpha-BHC | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Hexachlorobenzene (HCB) | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| beta-BHC | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| gamma-BHC | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| beta- & gamma-BHC | USEPA8270C | 0.10 | µg/L | <0.10 | <0.10 | <0.10 | <0.10 | ---- |
| delta-BHC | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Heptachlor | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Aldrin | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Heptachlor epoxide | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| trans-Chlordane | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Endosulfan 1 | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| cis-Chlordane | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |

## Analytical Results

Sub-Matrix: WATER

| | | | Client sample ID | W1 | W2 | W3 | W4 | ---- |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | Sampling date/time | 09-Jun-2019 11:20 | 09-Jun-2019 11:40 | 09-Jun-2019 12:20 | 09-Jun-2019 13:50 | ---- |
| Compound | Method | LOR | Unit | KL1905659-001 | KL1905659-002 | KL1905659-003 | KL1905659-004 | -------- |
| **Organochlorine Pesticides - Continued** | | | | | | | | |
| 4.4`-DDE | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Dieldrin | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Endrin | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Endosulfan 2 | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| 4.4`-DDD | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Endrin aldehyde | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Endosulfan sulfate | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| 4.4`-DDT | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Endrin ketone | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Methoxychlor | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Toxaphene | USEPA8270C | 5 | µg/L | <5 | <5 | <5 | <5 | ---- |
| **Organophosphorus Pesticides** | | | | | | | | |
| Dichlorvos | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Demeton-S-methyl | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Monocrotophos | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Dimethoate | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Diazinon | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Chlorpyrifos-methyl | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Parathion-methyl | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Malathion | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Fenthion | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Chlorpyrifos | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Parathion | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Pirimphos-ethyl | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Chlorfenvinphos (E) | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Chlorfenvinphos (Z) | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Bromophos-ethyl | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Fenamiphos | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Prothiofos | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Ethion | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Carbophenothion | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Azinphos Methyl | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Phosmet | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Phorate | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |

## Analytical Results

| Sub-Matrix: WATER | | | Client sample ID | W1 | W2 | W3 | W4 | ---- |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | Sampling date/time | 09-Jun-2019 11:20 | 09-Jun-2019 11:40 | 09-Jun-2019 12:20 | 09-Jun-2019 13:50 | ---- |
| Compound | Method | LOR | Unit | KL1905659-001 | KL1905659-002 | KL1905659-003 | KL1905659-004 | -------- |
| **Pesticides** | | | | | | | | |
| Aldrin and Dieldrin | USEPA8270C | 0.02 | µg/L | <0.02 | <0.02 | <0.02 | <0.02 | ---- |
| Chlordane | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Sum of DDD + DDE + DDT | USEPA8270C | 0.01 | µg/L | <0.01 | <0.01 | <0.01 | <0.01 | ---- |
| Endosulfan | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Sum of Aldrin + Dieldrin + Endrin | USEPA8270C | 0.1 | µg/L | <0.1 | <0.1 | <0.1 | <0.1 | ---- |
| Heptachlor and heptachlor epoxide | USEPA8270C | 0.03 | µg/L | <0.03 | <0.03 | <0.03 | <0.03 | ---- |
| Lindane | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| Sum of HCH Compounds | USEPA8270C | 1 | µg/L | <1 | <1 | <1 | <1 | ---- |
| alpha-HCH | USEPA8270C | 1 | µg/L | <1 | <1 | <1 | <1 | ---- |
| BHC | USEPA8270C | 0.05 | µg/L | <0.05 | <0.05 | <0.05 | <0.05 | ---- |
| beta-HCH | USEPA8270C | 1 | µg/L | <1 | <1 | <1 | <1 | ---- |
| gamma-HCH | USEPA8270C | 1 | µg/L | <1 | <1 | <1 | <1 | ---- |
| Atrazine | USEPA8270C | 1 | µg/L | <1 | <1 | <1 | <1 | ---- |
| Simazine | USEPA8270C | 1 | µg/L | <1 | <1 | <1 | <1 | ---- |
| **Microbiological Testing** | | | | | | | | |
| Total Coliform Count | MB-17-25 | 1 | CFU/100mL | 27200 | 52000 | 29000 | 44000 | ---- |
| Total Faecal Coliform Count | APHA9222D | 1 | CFU/100mL | 4000 | 8000 | 5200 | 4800 | ---- |

# 9. ISU PENAMBAKAN LAUT :

- \- Pulau Pinang
- \- Teluk Muruh

# PULAU PINANG

BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA WANITA HUJUNG MINGGU SETULUS IKHLA



Khoo Salma menunjukkan kawasan yang akan terjejas akibat projek mega penambakan laut di Selatan Pulau Pinang selepas sidang media di pejabat CAP, Jalan Masjid Negeri. - NSTP/Shahnaz Fazlie Shahrizal

## Projek tambak laut selatan Pulau Pinang didakwa jejaskan nelayan Perak

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Share Tweet

GEORGETOWN: Seramai 6,080 nelayan di utara Perak dikatakan akan terjejas dengan pelaksanaan projek tambakan laut di perairan selatan Pulau Pinang (PSR) yang dirangka menerusi Pelan Induk Pengangkutan (PIP).

Ia berikutan projek itu dikatakan akan menggunakan sebanyak 189 juta meter padu (m3) pasir yang akan dikorek di kawasan 20 batu nautika dekat perairan di daerah Manjung hingga Kerian, Perak.

## Nelayan terus bantah tambak laut [METROTV]

Share Tweet

MyMetro › Mutakhir




Zuhainy Zulkiffli
am@metro.com.my

PROJEK Penang South Reclamation (PSR) yang bakal dijalankan di bahagian selatan perairan Pulau Pinang terus mendapat bantahan nelayan berikutan ia memberi kesan terhadap alam sekitar dan ekosistem.

Sekiranya diteruskan, kesannya bukan sahaja membabitkan nelayan di Teluk Kumbar dan Teluk Bahang, tetapi lebih 6,000 nelayan seluruh negeri di bahagian utara akan terjejas.

Wakil dari Persatuan Nelayan Teluk Bahang, Faizal Zabri, 36, berkata, ia bukan sahaja menyebabkan perairan berselut dan kemusnahan ekosistem, malah merosakkan pukat dan bot.

### Mutakhir

- Cakna saat sukar
- Khatan anak gadis konon suntik vaksin
- Ilmu seluar dalam wanita
- Rugi bayar puluhan ribu


UNIT NELAYAN
TELUK TEMPOYAK
JANGAN TUANG PAS DALAM
PERIUK NELA
不要把沙
漁民的飯

# TELUK MURUH

malaysiakini
terkini untuk anda



BERITA

157 SHARES

## Tambak laut Teluk Muroh: Suhakam akan siasat

Diterbitkan 20 Sep 2017, 6:22 am · Dikemaskini 20 Sep 2017, 6:24 am

A+ A-

Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia (Suhakam) akan menjalankan siasatan terperinci berhubung isu penambakan laut di Teluk Muroh di Lumut yang dikatakan mencetus rasa tidak puas hati penduduk dan nelayan di kawasan berkenaan.

Pengerusi Suhakam, Tan Sri Razali Ismail berkata pihaknya menyatakan kesediaan untuk membantu lebih 1,000 penduduk dan 117 nelayan di kawasan berkenaan yang dikatakan kecewa dengan pelaksanaan projek tersebut.

# 10. LAMBAKAN SISA PLASTIK DUNIA:

## ISU LAMBAKAN PLASTIK DUNIA DI MALAYSIA. KENAPA IANYA TERJADI?

- Ini hanya boleh berlaku jika penguatkuasaannya lemah atau faktor rasuah, sama ada di perairan negara, sempadan darat atau di pelabuhan kita, selain perisytiharan palsu.

- Dan Kita sedia maklum banyak kilang haram di Kuala Langat & Sg. Petani, namun tiada usaha serius atau bersepadu untuk membendungnya. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sepatutnya menangani kilang haram pula lemah dan ada juga dakwaan penguat kuasa tutup mata, MUNGKIN disebabkan rasuah?

- Kerajaan Pusat dan negeri tidak boleh berdiam diri lagi. Kita mesti 'bersihkan rumah sendiri' dengan memastikan mereka yang terbabit dikenakan tindakan tegas.

- Kakitangan Kastam dan Pelabuhan yang disyaki terbabit atau bersekongkol dengan sindiket juga harus dipantau dan dikenakan tindakan yang berat.

- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) harus campur tangan seperti dilakukan terhadap Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di Pulau Pinang.
- Sebagai negara yang menandatangani Konvensyen Basel, kerajaan mesti menghantar pulang sisa tercemar ke negara asal dengan KADAR SEGERA. Ini tandanya Kita serius untuk menangani isu ini.
- Kita berharap tindakan kementerian bukan semata-mata untuk kepentingan politik atau populariti peribadi. Kita bimbang jika usaha ini tidak berterusan suatu hari nanti Malaysia akan dilabel sebagai tong sampah dunia.
- Dan saat itu mungkin sudah terlambat untuk menyelamatkan negara.

# KUALA LANGAT, SELANGOR



BERITA | MALAYSIA

## 3,000 tan metrik sisa plastik dijangka dihantar balik ke negara asal

Kenyataan Media | Mei 28, 2019 16:18 +08 | **Durasi: 3 minit, 24 saat**



Timbunan sisa plastik di sebuah kilang kitar semula di Jenjarom, Kuala Langat. REUTERS/Fail

KEMENTERIAN Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) akan menghantar balik 450 tan metrik sisa plastik tercemar daripada 10 buah kontena dan pada masa yang sama menjalankan pemeriksaan ke atas lebih 50 buah kontena yang masuk secara haram.

Sejumlah 3,000 tan metrik sisa plastik daripada 60 buah kontena dijangka akan dihantar balik selepas pemeriksaan sepenuhnya dijalankan.



FOTO PILIHAN

## Daily Life – Timbunan Sisa Plastik Import di Jenjarom

By **Muhammad Iqbal Basri** - 25 April 2019




*Sebahagian timbunan sisa plastik yang di import dari negara Amerika Syarikat, New Zealand Jerman dan Britain ketika tinjauan lensa Malaysia Gazette mengenai isu lambakan sisa plastik dari luar negara di Jenjarom, Kuala Langat, Selangor. foto IQBAL BASRI, 23 APRIL 2019*

Sejak China melarang import ke atas bahan buangan sisa pepejal tahun 2017, kebanyakan peniaga sisa plastik ini berpaling ke negara-negara Asia Tenggara, terutamanya Malaysia.

Jenjarom mempunyai kapasiti penduduk sekitar 30,000 orang, kira-kira 20 km di tenggara Pelabuhan Klang, Jenjarom adalah tapak pembuangan utama bagi sisa plastik yang tiba di Pelabuhan Klang.

# SUNGAI PETANI, KEDAH

BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA WANITA HUJUNG MINGGU SETULUS IKI



TIMBALAN Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Isnaraissah Munirah Majilis (kiri) membuat serbuan di sebuah kilang plastik di Bedong, hari ini. - Foto BERNAMA

## 228 kilang kitar sisa plastik diarah tutup, ditahan operasi

Oleh Nor Farhani Che Ad
bhnews@bh.com.my

Share Tweet

SUNGAI PETANI: Sebanyak 228 buah kilang kitar semula sisa plastik diarah tutup atau ditahan operasi di seluruh negara antara Julai 2018 hingga Januari tahun ini.

Kilang terbabit merangkumi yang berlesen atau beroperasi secara haram dikesan melakukan kesalahan mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974.

Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Isnaraissah Munirah Majilis berkata bagi kesalahan itu, kementerian mengenakan denda RM2.323 juta

THE MALAYSIAN INSIGHT

Berita

## Jangan baharui kilang sisa plastik di Sg Petani, kata badan hak alam sekitar

Dikemas kini 8 bulan yang lalu · Diterbitkan pada 22 Sep 2019 3:59PM · 0 Komen




*Dalam memorandum itu juga, Lydia mengingatkan MPSP tentang janji kerajaan negeri untuk tidak lagi mengeluarkan lesen baru kepada kilang kitar semula. – Gambar fail The Malaysian Insight, 22 September, 2019.*

# 11. KEBERKESANAN CENTRAL FOREST SPINE DENGAN BAJET YANG TELAH DIKELUARKAN SEBANYAK RM150 JUTA

## 2020 Budget: RM48mil to preserve forests, natural biodiversity

By New Straits Times - October 11, 2019 @ 8:30pm




To protect flora and fauna better, RM20 million will be provided to employ more forest rangers among retired soldiers and local Orang Asli communities. - NSTP/File pic

KUALA LUMPUR: The government will allocate RM48 million to preserve Malaysia's pristine forests and natural biodiversity.

"Of this allocation, RM10 million will be utilised as a matching grant against private sector contributions towards conservation and biodiversity initiatives.

"These efforts include supporting the Central Forest Spine and Heart of Borneo initiatives, in addition to rehabilitate and restore degraded forests.

"There are fewer than 200 Malayan tigers left in the wild, and it is estimated there are about 11,000 orangutans in Malaysia," said Finance Minister Lim Guan Eng in his 2020 Budget speech.

To support the efforts of the protecting these endangered animals, he said the government would allocate RM 15 million to the Malaysian Conservation Alliance for Tigers (MyCat) and Sepilok Orangutan Rehabilitation Centre and other non-governmental organisations.

"To protect our flora and fauna better, RM20 million will be provided to employ more forest rangers among retired soldiers and local Orang Asli communities who know their lands the best."



## Connecting With Conservation: Central Forest Spine

Updated: Jan 3, 2019

by Karen Lourdes

*A major conservation effort taking place in Malaysia that is hidden in the shadows. The Central Forest Spine Master Plan (CFSMP) birthed in the early 2000s, aims to protect and connect patches of key forest habitats in Peninsular Malaysia through corridors. CFSMP has been in the works since 2014 with a total budget of USD 47 million (RM200 mil). This article covers the basic overview of this project and some of the challenges it's currently facing.*

# 12. PERHILITAN/HIDUPAN LIAR

- Ura-ura PENYAHWARTAAN Taman Negara Pahang.

- Kepupusan Badak Sumatra terakhir di Sabah. Diharap tidak ada lagi kepupusan spesis hidupan liar yang terancam dengan memelihara dan memulihara kawasan habitat mereka serta mengetatkan lagi penguatkuasaan undang-undang

BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA WANITA HUJUNG MINGGU SETULUS IK



Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim berkenan mendengar penerangan daripada Pengurus Besar Perbadanan Taman Negeri Perak, Mohamed Shah Redza (kiri) ketika baginda melawat pameran pada Program Perbadanan Taman Negeri Perak-Hari Harimau Sedunia 2019 di Taman Inai, hari ini. - NSTP/Abdullah Yusof

## Hanya 23 ekor harimau Malaya di Royal Belum dan Temenggor

Share Tweet

GERIK: Perbadanan Taman Negeri Perak (PTNPk) menganggarkan hanya terdapat 23 ekor harimau Malaya mendiami Hutan Simpan Royal Belum dan Hutan Simpan Temenggor di sini.

Pengurus Besarnya, Mohamed Shah Redza Hussein berkata, bilangan berkenaan berkurangan sebanyak 60 peratus daripada jumlah keseluruhan iaitu lebih 60 ekor yang pernah direkodkan pada tujuh tahun lalu.

https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/08/592205/hanya-23-ekor-harimau-malaya-di-royal-belum-dan-temenggor

BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA WANITA HUJUNG MINGGU SETULUS IK



ANTARA pelajar yang melibatkan diri dalam aktiviti menanam pokok sempena sambutan Hari Harimau Sedunia peringkat kebangsaan diadakan di Cameron Highlands, hari ini. - Foto ihsan PERKAM

## Populasi Harimau Malaya berada di angka 'darurat'

Oleh Rosman Shamsudin
bhnews@nstp.com.my

Share Tweet

CAMERON HIGHLANDS: Pembangunan dan penebangan hutan tidak terancang antara punca bilangan Harimau Malaya negara berada di tahap 'darurat'.

Presiden Pertubuhan Konservasi Alam Malaysia (PERKAM), Dr S Santharasekaran, berkata faktor utama lain adalah kegiatan pemburuan haram harimau serta pemburuan haiwan makanan utama haiwan liar itu seperti babi hutan, kancil dan mamalia kecil lain.

Katanya, dianggarkan hanya antara 150 hingga 200 Harimau Malaya masih ada di Semenanjung Malaysia ketika ini.

https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/07/589760/populasi-harimau-malaya-berada-di-angka-darurat

# Gajah tinggal 1,000

f Share  Tweet

MyMetro › Mutakhir



GAJAH yang dipercayai mati akibat ditembak pemburu haram di Hutan Piah, Gerik pada Mac tahun lalu.

Mohd Jamilul Anbia Md Denin dan Mohd Rizal Abdullah
*am@hmetro.com*

APABILA isu kepupusan pelbagai hidupan liar dibahaskan, pasti ada jari mudah menuding ke arah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) tanpa memikirkan beban dipikul.

Kurang yang memperkatakan faktor pembangunan tidak terkawal dan usaha Perhilitan menangani kerakusan pemburu haram mengaut keuntungan tanpa memikirkan kesan kepada populasi hidupan liar dilindungi.

Lebih memeranjatkan, kematian hidupan liar dari tahun ke tahun menunjukkan peningkatan iaitu 7,451 (2017) berbanding 6,767 (2016) dan 6,258 (2015) dengan Selangor, Johor dan Perak mencatatkan kematian hidupan liar tertinggi iaitu 1,745, 1,616 dan 792 (Statistik oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) 2018).

## Mutakhir

- Polis sudah kenal pasti identiti pemandu
- Gagal sempurnakan penalti sebab tiada bunyi bising
- Isu harga tiket mahal akan dibincang - Ismail Sabri
- Pesara tentera maut kemalangan
- Lega dapat kembali berlatih

https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/04/447325/gajah-tinggal-1000

ENGLISH BERITA VIDEO FOTO LIVE

BERITA | MALAYSIA

# Spesies hidupan terancam di Malaysia, ini yang perlu kita selamatkan

**Najmi Syahiran Mamat**, Astro Awani | Mac 03, 2020 08:30 +08 | **Durasi: 5 minit, 15 saat**



Harimau Malaya (Panthera tigris jacksoni) merupakan salah satu subspesies harimau belang yang masih wujud di dunia dan hanya terdapat di Semenanjung Malaysia. - Gambar fail

SEKETIKA dahulu kita dikejutkan dengan kematian tiga badak sumbu Sumatera terakhir di Malaysia - Puntung, Tam dan Iman.

Ia satu kehilangan besar buat khazanah negara. Namun, semua ini tinggal kenangan. Tanpa kita sedar, tangan-tangan manusia yang rakus ini menjadi punca utama kepupusan haiwan terbabit.




**Tapir Malayan**



SELADANG



HARIMAU MALAYA



GAJAH PYGMY



PENYU

http://www.astroawani.com/berita-malaysia/spesies-hidupan-terancam-di-malaysia-ini-yang-perlu-kita-selamatkan-232322




Badak Sumatra




Tapir Malayan




Black Shrew

TRENDING

# 5 Haiwan Yang Hampir Pupus Di Malaysia

Share Tweet

Bilangan haiwan-haiwan ini di Malaysia dikatakan semakin berkurang dengan sangat drastik sehingga ada juga dakwaan mengatakan bahawa sebahagian darinya sudah pupus.

Berikut adalah 5 haiwan yang dikatakan tadi.




Kancil




Orang Utan

https://sinar.my/viral/trending/5-haiwan-yang-hampir-pupus-di-malaysia

# 13. TUNTUTAN TANAH ADAT ORANG ASLI KAMPUNG TASIK ASAL CUNEX HULU DENLAK, GERIK PERAK

- Pada bulan Jun 2019, penduduk Orang Asli di Kampung Tasik Asal Cunex, Hulu Denlak, 30000 Gerik Perak telah memfailkan saman terhadap Kerajaan Negeri Perak, Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Perak, Pengarah Tanah dan Galian Perak,Pengarah Jabatan Perhutanan dan Syarikat Sediavisi Jaya Sdn Bhd.
- Tuntutan saman tersebut dibuat bagi meminta Mahkamah supaya mengikitiraf dan mewartakan tanah yang diduduki oleh Orang Asli sebagai tanah adat Orang Asli Kampung Tasik Asal Cunex.

# Apalah nasib Orang Asli Grik..

WARTAWAN SINAR HARIAN || 6 Mei 2019



Penduduk mendirikan kembali blockade di Tasik Cunex yang telah dimusnahkan oleh pembalak bagi mengeluarkan balak baru-baru ini.

A- A+

ENTAH apa akan jadi apabila masyarakat orang asli di Gerik sudah tidak mempunyai pilihan lain untuk menghentikan aktiviti pembalakan dengan mendirikan sekatan di Cinaweng, Tasik Cunex dan terbaru di Sungai Papan.

Laporan polis serta aduan dibuat kepada agensi berkaitan pun tidak dapat menghentikan aktiviti pembalakan itu.

Enam hari lalu tular video masyarakat orang asli di Gerik, Perak menghalang pembalak yang meruntuhkan sekatan bagi membawa hasil balak keluar dari hutan simpan berkenaan.

Dalam video berdurasi 3 minit 23 saat Pertubuhan Perlindungan Khazanah Alam Malaysia (Peka) menyifatkan tindakan pembalak seolah-olah membuli orang asli yang sangat bersusah-payah menjaga tanah adat mereka daripada dirosakkan.

FMT news



# Kubur nenek moyang bukti Orang Asli Gerik bukan penduduk haram

Faiz Zainudin - February 25, 2019 12:03 PM

498 Shares 477 15 5




*Orang Asli Gerik menunjukkan kawasan tempat pendaratan helikopter LZ Pos Keled, beberapa km dari Tasik Cunex.*

GERIK: Masyarakat Orang Asli suku Temiar mendakwa peninggalan nenek moyang yang masih ada di kawasan Gerik adalah bukti mereka berhak diberi layanan adil oleh kerajaan Perak, termasuk memiliki tanah adat.

Penduduk tertua Kampung Tasik Cunex, Long Uda, 69, berkata, antara bukti masyarakat itu sudah lama bertapak sekian lama di situ termasuklah tempat keramat yang usianya ratusan tahun, mengatakan mereka bukan menetap secara haram.

# Orang Asli Gerik buat benteng manusia sekat lori keluarkan balak

Faiz Zainudin - April 29, 2019 4:36 PM

2.5k Shares 2.4k 21 19



*Sekumpulan Orang Asli dari Kampung Tasik Cunex, Gerik di Perak membuat benteng manusia dan membaring di depan sebuah lori balak, hari ini. (Gambar daripada video ihsan Peka)*

PETALING JAYA: Orang Asli di Kampung Tasik Cunex, Gerik membuat benteng manusia untuk menghalang lori balak memasuki kawasan hutan yang didakwa ialah tanah adat mereka.

Kejadian itu bermula kira-kira 12.30 tengah hari tadi apabila sekumpulan Orang Asli cuba menghalang pembalak mengeluarkan kayu balak yang ditebang, selepas sekatan dibina mereka itu sejak Januari lalu didakwa dirobohkan pembalak secara diam-diam awal pagi tadi.

Wakil Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (Peka), Yatie Shahrom ketika dihubungi FMT berkata, Orang Asli turut mengadakan protes duduk dan baring di laluan lori balak itu.

"Pada 6.30 pagi, sekatan yang dibina Orang Asli Tasik Cunex sejak Januari lalu dirobohkan pembalak, kemudian 10 lori masuk ke kawasan pembalakan.

>> EDISI > PERAK > Jangan aniaya dan pinggir kes orang asli Kampung Cunex

# Jangan aniaya dan pinggir kes orang asli Kampung Cunex

MOHAMAD HAFIZI MOHD SAID | | 17 Mei 2019

JAKOA
JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI

A- A+

IPOH - Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) berharap konflik antara kerajaan Perak dengan Orang Asli Kampung Cunex, Gerik, tidak menganiaya serta meminggir orang asal berkenaan sehingga menjadikan mereka gelandangan di tanah air sendiri.

Ketua Pengarah JAKOA, Profesor Dr Juli Edo berkata, pihaknya sedar undang-undang sentiasa berada di pihak kerajaan, namun dia berharap perkara berkenaan tidak berlaku.

"JAKOA berharap setiap program pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan di sekitar wilayah orang asli hendaklah turut memelihara kehidupan dan khazanah warisan masyarakat setempat.

"Semua pihak harus mencari penyelesaian secara mesyuarat dan muafakat dalam mengimbangkan kedaulatan undang-undang dan pertimbangan-pertimbangan moral, kemanusiaan dan keadilan," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Tambahnya, pelbagai kaedah dan pendekatan boleh digunakan sebagai panduan dan rujukan dalam menangani isu ini seperti lunas-lunas keagamaan, keputusan-keputusan mahkamah, undang-undang alam sekitar, deklarasi dan konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu.



# Orang asli customary land rights must be protected

LETTERS

Tuesday, 28 May 2019

THE Malaysian Bar is disappointed by the action taken by the Perak state government on May 16 to demolish the blockade set up by the orang asli community at Kampung Tasik Cunex, Gerik, Perak, to protect lands claimed to be within their customary territory and to bar entry by logging trucks.

Perak Chief Minister Datuk Seri Ahmad Faizal justified the demolition of the blockade by contending that both the blockade and logging were carried out on state land and that the loggers' activities were in compliance with the law.

Of particular concern to the Bar is his reasoning that "the government has yet to recognise the area as customary land as claimed by the villagers".

Based on this reported statement, the Chief Minister's legal justification appears to be misinformed, as the Malaysian superior courts have recognised the common law rights of orang asli to lands that they have historically and traditionally occupied without the need for a formal executive order "recognising" these rights (see Kerajaan Negri Johor v Adong Bin Kuwau [1998] 2 MLJ 158; and Kerajaan Negeri Selangor v Sagong Bin Tasi [2005] 6 MLJ 289).

The Chief Minister's statement raises serious questions about whether the Perak state government's action was reasonable in the circumstances and had taken into account the relevant consideration of whether the Kampung Tasek Cunex orang asli community may have acquired customary land rights at common law over the land in question.

Such common law rights can exist notwithstanding the state's designation of an area as a reservation (see Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli v Mohamad Bin Nohing [Batin Kampung Bukit Rok]) and where these rights exist, a state government is under a fiduciary duty to protect the orang asli lands concerned by, among other methods, reservation (see Kerajaan Negeri Selangor v Sagong Bin Tasi [2005] 6 MLJ 289).

It is also equally clear the state of Perak is no exception to the recognition of common law orang asli customary land rights (see Kong Chee Wai lwn Pengarah Tanah Dan Galian Perak [2016] 1 CLJ 605, affirmed by the Court of Appeal in Kong Chee Wai & Anor v Pengarah Tanah dan Galian Perak, Civil Appeal No. A-01-[NCVC][A]-385-12/2015, 24 October 2016].

On a more positive note, the Malaysian Bar welcomes the eight resolutions regarding orang asli customary lands adopted at the National Orang Asli Convention organised by



>> BERITA > MAHKAMAH > Orang asli heret Kerajaan Perak ke mahkamah

# Orang asli heret Kerajaan Perak ke mahkamah

KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN | | 20 Jun 2019



Pam (dua dari kiri) bersama peguam, Hadina Lily(tiga dari kiri) dan Faizah (empat dari kiri) selepas selesai menghadiri pengurusan kes tuntutan saman sivil penduduk orang asli Kampung Cunex, Gerik terhadap Kerajaan Perak di Mahkamah Tinggi Taiping hari ini.

A- A+

TAIPING - Mahkamah Tinggi Taiping menetapkan tarikh 11 Julai ini untuk menentukan tarikh baharu pengurusan dan arahan selanjutnya kes tuntutan saman sivil penduduk orang asli Kampung Cunex, Gerik terhadap Kerajaan Perak hari ini.

Selain kerajaan negeri, penduduk orang asli Kampung Cunex diwakili, Pam Yeek sebagai plaintif turut menamakan Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Perak, Pengarah Tanah dan Galian Perak, Pengarah Jabatan Perhutanan dan Syarikat Sediavisi Jaya Sdn Bhd sebagai defendan.

# 14. MASALAH SUNGAI MATI






# 15. ISU PEMBALAKAN DI KEDAH

Cadangan Kerajaan Negeri Kedah mengembalikan 131 konsesi Pembalakan di Kompleks Hutan Simpan Ulu Muda yang telah digazetkan oleh MB Dato’ Seri Mukriz Mahathir pada pemerintahan PH

Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan bajet sebanyak RM 4.44 Billion kepada Negeri Kedah Untuk membaik pulih dan mengekalkan kelestarian Alam Sekitar. Pembukaan semula tuntutan konsesi balak di Kompleks Hutan Simpan Ulu Muda bagi menjana pendapatan Negeri sepatutnya tidak berlaku.


BERITA » Nasional
Selasa, 26 Mei 2020 | 5:36pm

Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi Md Nor. - NSTP/Amran Hamid

**Kedah pertimbang buka kembali konsesi balak**

Oleh M Hifzuddin Ikhsan dan Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Dari Facebook Page Tun Dr. Mahathir

chedetofficial ...




Liked by **wilsonbeh** and **39,207 others**

**chedetofficial** Dahulu & Kini.

Dahulu, konsesi balak diberhentikan untuk menyelamatkan kawasan tadahan air untuk membantu 4 juta penduduk.

Kini, Konsesi balak mahu dibuka semula untuk mengisi poket si Pembalak.

Dahulu, konsesi balak diberhentikan untuk memberi bekalan air kepada sawah di Kedah & perlis. Pengeluar 50% sumber beras negara.

Kini, Konsesi balak mahu dibuka semula untuk mengisi poket si Pembalak.

Dahulu, konsesi balak diberhentikan untuk memberi bekalan air kepada sawah di Kedah & perlis. Pengeluar 50% sumber beras negara.

Kini, si Pembalak diagungkan dan kepentingan rakyat dan petani digadaikan.
Dahulu, pelaburan strategik di Kedah meningkat x3 kali ganda.

2018-RM2.3Bilion
2019-RM7.71Bilion.

Anak muda dapat pekerjaan berpendapatan tinggi di kilang kilang baru di Kulim Hi-tech park.

Kini, si Pembalak dapat "pekerjaan" baru.

Dahulu, Kedah mencipta SEJARAH, mencatatkan pelaburan sektor pembuatan di tangga ketiga teratas selepas Selangor & Pulau Pinang. Peningkatan 400% dari tahun 2018.

Kini, SEJARAH baru lagi tercipta, khazanah Kedah dijarah demi "Pelaburan strategik" si Pembalak.

Jangan jual rakyat.
Jangan jual hutan.
Jangan jual khazanah Kedah demi kawan kamu, si Pembalak.

Takut disaman pembalak? Katanya ada saman RM1Bilion? Sanggup tunduk ke pembalak? Buktikan saman RM1bilion itu wujud & kerajaan negeri akan kalah. Berani kerana benar.

Moga Allah swt terus melindungi Kedah dari tangan tangan pemimpin yang tidak amanah.

View all 639 comments

PEKA

**PERTUBUHAN PELINDUNG KHAZANAH ALAM MALAYSIA**
ORGANIZATION FOR THE PRESERVATION OF NATURAL HERITAGE MALAYSIA

(Reg. Num. PPM-028-10-24022011)
No15, Jalan Akuatik 13/77c, D'kayangan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel :+6 03-5512 1006 | Fax : +6 03-5511 1669 | Email : hello@pekamalaysia.org | website: www.pekamalaysia.org

# KENYATAAN MEDIA
# PRESIDEN PEKA MALAYSIA

## PELAN PENGGANTIAN PEMBALAKAN KEDAH SATU KESILAPAN

Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA Malaysia) sangat tidak bersetuju dengan pelan kerajaan negeri Kedah untuk memberi kawasan pembalakan pengganti kepada pihak pembalak sebagai pampasan. Menurut laporan media, Menteri Besar Kedah Muhammad Sanusi Md Nor berkata syarikat pembalak tersebut adalah mereka yang terjejas akibat pewartaan hutan Ulu Muda sebagai kawasan tadahan air.

Walaupun MB telah memberi jaminan bahawa kawasan ganti adalah hutan pengeluaran yang didefinisikan dan dibenarkan oleh Jabatan Perhutanan berasaskan undang-undang, cadangan ini merupakan satu langkah ke belakang untuk komitmen negeri terhadap pembangunan lestari dan amalan mesra alam.

Kami ingin mengingatkan MB bahawa sebarang aktiviti pembalakan akan menjejaskan alam sekitar dan mendatangkan kerosakan kepada ekosistem. Jika kawasan warta adalah kawasan tadahan hujan, konsesi balak yang melibatkan kawasan tersebut tidak sepatutnya dikeluarkan untuk kawasan tersebut sama sekali. Adalah tanggungjawab pihak berkuasa negeri untuk memastikan bahawa kawasan tadahan hujan dilindungi. Kegagalan untuk berbuat sedemikian boleh dianggap sebagai salah guna oleh pihak mereka.

Pemberian konsesi baru sebagai pampasan untuk konsesi yang dikeluarkan secara salah bertentangan dengan pentadbiran yang baik dan menimbulkan kebimbangan tentang niat sebenar pampasan konsesi pembalakan yang diberikan. Kerajaan negeri juga bertanggungjawab untuk mematuhi komitmen yang dimeterai oleh kerajaan Malaysia pada peringkat antarabangsa. Ini merangkumi komitmen untuk memastikan 50% litupan hutan dan pembangunan lestari. Berpandukan perangkaan rasmi Jabatan Perhutanan bahawa Malaysia Barat hanya mempunyai baki 43% litupan hutan, kerajaan negeri sepatutnya tidak membenarkan pembalakan di Kedah sebaliknya mempertingkatkan usaha untuk memelihara hutan sedia ada dan penghutanan semula.

PEKA

**PERTUBUHAN PELINDUNG KHAZANAH ALAM MALAYSIA**
ORGANIZATION FOR THE PRESERVATION OF NATURAL HERITAGE MALAYSIA

(Reg. Num. PPM-028-10-24022011)
No15, Jalan Akuatik 13/77c, D'kayangan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel :+6 03-5512 1006 | Fax : +6 03-5511 1669 | Email : hello@pekamalaysia.org | website: www.pekamalaysia.org

PEKA Malaysia ingin mengingatkan bahawa alam sekitar adalah soal kepentingan negara dan tidak hanya dihadkan kepada negeri-negeri dalam persekutuan. Ini kerana apa yang berlaku di Kedah akan mempunyai kesan terhadap negeri lain di Malaysia dan sekaligus rakyat jelata. Beberapa tahun kebelakangan ini, banyak negeri di Malaysia telah dilanda pelbagai bencana alam yang berkait dengan penebangan hutan yang berleluasa dan kemusnahan alam sekitar.

Isu ini malah lebih ketara kerana Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man, menteri alam sekitar dan air, telah mengatakan posisi Kerajaan Persekutuan tentang pentingnya hutan kepada sumber air, satu fakta yang dicerminkan apabila isu air digabungkan ke dalam kementerian alam sekitar.

Berkenaan hal perundangan di antara kerajaan negeri Kedah dan pihak pembalak, PEKA menyarankan bahawa kerajaan negeri akan berhati-hati dan hemah selepas mengkaji dengan lebih lanjut tentang kedudukan undang-undang negeri dalam hal ini sebelum mengambil tindakan selanjutnya. Ini penting terutamanya memandangkan keputusan Mahkamah Persekutuan yang telah memutuskan bahawa Perdana Menteri dan Menteri lain adalah pegawai awam, dan ini bermakna bahawa mereka boleh dipertanggungjawabkan atas perbuatan mereka dalam jawatan awam.

Jika kerajaan pentadbir benar-benar komited untuk 'membina budaya berdasarkan kepentingan alam sekitar dan air' sebagaimana digariskan oleh Tuan Ibrahim, maka PEKA berpendapat bahawa kerajaan negeri mesti menolak segala bentuk pembalakan kerana kita berada di tahap kritikal kehilangan warisan negara kita dan biodiversiti di dalamnya. Ini juga merupakan ancaman terhadap keselamatan negara dalam jangka waktu pertengahan hingga jangka panjang kerana ia mengancam sumber air kita. Mengurus sebuah negeri sememangnya penuh dengan dugaan dan rintangan, tetapi kerajaan negeri tidak boleh mengambil jalan mudah dengan hanya memberi perhatian kepada kepentingan pihak tertentu tetapi seharusnya berikhtiar untuk mencari penyelesaian yang adil dan saksama untuk kebaikan bersama.

***SEKIAN UNTUK MAKLUMAN***




2020 April- Paras Air surut dan berlumpur di Tasik Muda 13:17




Ulu Muda 3rd May 2020 13:49




2020 April, Paras Air surut di Tasik Pedu 13:17




Tasik Pedu 18th May 2020












**TAMAN NEGARA ULU MUDA AS A TRANSFRONTIER WITH THE NATIONAL PARK IN SOUTH THAILAND AND WILL PROTECT THE WILDLIFE**

## THE BENEFITS OF TAMAN NEGARA ULU MUDA :

- ✓ PRESERVING ECOLOGICAL PROCESSES – TOP SOIL EROSION, NUTRIENTS & NUTRITION AND HELP IN MAINTAINING THE SOURSE OF CLEAN WATER AND AS A WATER CATHMENT AREA
- ✓ TO PROTECT OF FLORA, FAUNA AND THE WILDLIFE
- ✓ TO MAINTAIN THE ECOLOGY SYSTEM
- ✓ TO PRESERVE THE VARIOUS GENETIC DIVERSITY
- ✓ AS SCIENCE RESEARCH CENTRE – GEOLOGY, ARCHAEOLOGY, HISTORY, ENTOLOGY AND OTHER SCIENCE ASPECTS THROUGH ITS PRESERVATION AND USAGE OF EDUCATION, HEALTH AND ESTATIC
- ✓ AS THE NATIONAL ZOO GEOGRAPHICAL SITE
- ✓ RECREATION AND EXTREME SPORTS AREA

# Jangan musnahkan Hutan Simpan Ulu Muda

Menjengah Minda




Analisis Kosmo!

# Pertahan khazanah alam satu amanah bersama

Menjengah Minda

Kita lupa bahawa tanggungjawab memelihara hutan di negara ini adalah tanggungjawab bersama dan salah satu fardu kifayah yang perlu kita laksanakan secara berterusan dengan ikhlas






# Protect Ulu Muda from logging

THE report of continued logging activities in the Ulu Muda Forest Reserve, "Logging in Ulu Muda reserve should be halted" (The Star, March 9) is cause for alarm. The Green Living Special Interest Group of the Malaysian Nature Society supports the call by Sahabat Alam Malaysia and the Penang Water Supply Corporation to terminate all logging and quarrying activities in the Ulu Muda forest complex immediately.

The 160,000ha forest complex, covering seven forest reserves, is a critical water catchment area for the northern states of Kedah, Perlis and Penang and supplies water to, among others, the Ahning, Muda (pic) and Pedu dams.

According to the World Wildlife Fund for Nature (WWF) Malaysia, the Ulu Muda forest complex supplies as much as 96% of Kedah's, 50% of Perlis' and 80% of Penang's water.

The Kedah state government has been aware of the logging activities in the Ulu Muda Forest Reserve for years, and the Kedah Water Supply, Water Resources and Energy Committee had assured the public since last year that it would look into the issue of logging permits and the possibility of gazetting the entire forest reserve as a water catchment area, "Kedah govt aware of logging activities in Ulu Muda reserve" (The Star, May 16, 2016).

The 2016 drought affecting the northern states of peninsular Malaysia was directly linked to logging activities in the Ulu Muda forest complex, which affected climate and water cycle patterns, resulting in a massive decline in dam water level and a postponement of the padi planting season.

In addition to providing water for domestic, industrial and agricultural use, Ulu Muda also provides vital ecological services such as climate regulation, soil erosion prevention, biodiversity conservation and maintenance of soil, water and air quality.

Without the root system of this rainforest complex to absorb and slowly release rainwater, heavy monsoon rains would end up washing over the exposed cleared forests, resulting in soil erosion, landslides, flash floods and the silting of rivers. Forest clearing releases stored carbon dioxide, which traps heat and contributes to atmospheric warming.



A fully grown tree releases 1,000 litres of water vapour a day into the atmosphere. The reduced ability of a cleared or decimated forest to absorb solar energy and release water vapour leads to higher temperatures and a decline in rainfall. One can imagine the ecological fallout if logging were allowed to continue in Ulu Muda.

From a human dimension, Ulu Muda provides economic and sociocultural services which include ecotourism, the harvesting of forest products and a home for indigenous and rural communities.

The preservation of the Ulu Muda forest complex is a political issue and not merely the concern of environmental organisations. It affects the very survival and food and water security of a significant percentage of the population of peninsular Malaysia.

When the survival of present and future populations is at stake, apportioning blame to political parties and previous administrations is unproductive and downright harmful.

Malaysia stands to gain more economic benefits from keeping its forests intact and biologically diverse than from issuing permits for logging, mining and road construction in forested areas.

The economic benefits of logging are short-lived and can sustain only one to two generations at most. If the federal and state governments wish to cultivate long term prosperity, they need to afford greater protection to rainforests, which are worth more alive than dead.

There is little point in governmental and municipal initiatives such as recycling and tree-planting campaigns, which smack of environmental tokenism, if state governments and the federal government are unwilling to cooperate to conserve and protect the Ulu Muda forest complex.

WONG EE LYNN
Coordinator,
Green Living Special Interest Group,
Malaysian Nature Society

























MORE THAN 30 SALTLICKS AREA :

- SIRA AIR HANGAT
- SIRA BATU
- SIRA KELADI
- SIRA JAWA
- SIRA BONGOR
- SIRA PONGSU
- SIRA TERA

JULY 2016




## EVIDENCE OF LOGGING ACTIVITIES

FEBRUARY 2017










**THE SIGNIFICANT DIFFERENCE OF LAND CLEARING ACTIVITIES FOR LOGGING IN GREATER ULU MUDA FOREST BETWEEN YEAR 2016 AND YEAR 2017**

**SOURCE: GOOGLE EARTH**








## THE POLLUTED WATER QUALITY FROM THE AFFECTED RIVERS









LOGGING IN THE GREATER ULU MUDA FOREST RESERVE THAT CONFISCATES RAW AND CLEAN WATER RESOURCES TO THE PEOPLES

- CREDIT PICS TO THE STAR








## THE GREATER ULU MUDA FOREST RESERVE





## WATER SUPPLY IS THREATENED AND BECOMES A WATER CRISIS DISASTER











H.S. ULU MUDA – 105,060 HECTAR
H.S. PEDU – 15,299 HECTAR
H.S. PADANG TERAP – 12,785 HECTAR
H.S. CHABAR BESAR – 8,827 HECTAR
H.S. CHABAR KECIL – 1,184 HECTAR
H.S. BUKIT SAIONG – 8,191 HECTAR (CDG)
H.S. BUKIT KERAMAT – 10,229 HECTAR (CDG)
H.S. ULU MUDA TAMBAHAN – 1,359 HECTAR (CDG)

TOTAL : 162,931 HEKTAR




- SG MUDA
  - THE LONGEST RIVER IN KEDAH WITH 178KM STARTING FROM MUDA LAKE PASSING THROUGH TO BALING, SIK , KULIM AND KUALA MUDA DISTRICT







RAW & CLEAN WATER SUPPLY TO 3 NORTHERN STATES

OFFICIAL OBJECTION LETTER AGAINST DEFORESTATION IN THE GREATER ULU MUDA FOREST RESERVE FROM PEKA MALAYSIA AND PEKA PULAU PINANG TO CHIEF MINISTER OF KEDAH




PERMIT PENGGUNAAN
(BORANG 4)
NO. PERMIT
KS PP-19-2017
KS.01(P)-17-2017
STOP IT!!!!


Songkhla
(Thailand)
Perlis
Pedu Lake
Muda Lake
Alor Star
Ulu Muda
Yala
(Thailand)
Kedah
George Town
Penang
Perak
GAZETTED AS
TAMAN NEGARA ULU MUDA
UNDER AKTA TAMAN
NEGARA 1980


HIGH QUALITY SPECIES OF TREES IN ULU MUDA FOREST RESERVE
CENGAL
MERANTI
MERBAU


THE GREATER ULU MUDA FOREST RESERVE :
PARADISE OF WILDLIFE


AIR VIEW THROUGH DRON ON 8 AUGUST 2017
LOG PATH NEAR WATER CATCHMENT AREAS


KS 01-(P)-17-2017
RIMBA TROPIKA TIMBER
18-5-2017
PERMIT. PENGGUNAAN (BORANG 4)
NO. PERMIT
KS PP-19-2017
KS-01(P)-17-2017
PHDKS
NO. LESEN: KS.01.07.2017
KELUASAN : 162 HEKTAR
TEMPOH KUAT KUASA LESEN: 17-4-2017
HINGGA: 16-10-2017
BETWEEN THE SIGNBOARDS OF LOGGING PERMITS AT THE GREATER ULU MUDA FOREST RESERVE
NOTIS
PROJEK LADANG INI
HAK MILIK KDYMM

# 16. PEMBALAKAN DI HS BUKIT IBAM

**1.1 TAJUK PROJEK**

Tajuk projek adalah "**Cadangan Pembangunan Ladang Hutan Seluas 405.23 Hektar (1001.35 Ekar) di Hutan Simpan Bukit Ibam, Mukim Keratong, Daerah Rompin, Pahang Darul Makmur**".

**1.2 KETERANGAN PROJEK**

Tapak projek ini akan dibangunkan sebagai ladang hutan. Ladang hutan didefinisikan sebagai proses pemulihan kawasan hutan yang terganggu, terdedah atau telah ditebang. Pembangunan ladang hutan merangkumi beberapa aktiviti seperti penyediaan tanah, pembalakan, penanaman semula pokok-pokok dan pengusahasilan. Pokok-pokok ini kemudiannya akan tumbuh secara semulajadi dan sehingga beberapa ketika ia akan diusahasilkan.

- Laporan EIA MAHA MEGAJAYA RESOURCES bagi kawasan berkeluasan 405 Ha di dalam HS Bukit Ibam

# Kronologi kehilangan kawasan hutan berjumlah 1200Ha di kawasan Bukit Ibam




Februari 2019




Mei 2019




September 2019




Disember 2019


PLANET
2020/APR
3000ft
500m
mapbox
Google Earth Engine
CARTO
Map data ©2016 Google, INEGI
Terms of use
Privacy policy
zoom: 13.01
lat, lon: 3.19598, 102.82281

April 2020

# 17. EMPANGAN PONTIAN TERANCAM

- SATU LAGI KAWASAN TADAHAN AIR, PENDAPATAN NELAYAN DARAT DAN DESTINASI PELANCONGAN BAKAL TERJEJAS TERUK.







## DAM SEPAYANG (EMPANGAN PONTIAN)



Loji air sepayang atau lebih dikenali sebagai Dam Sepayang merupakan salah satu loji air yang agak popular di Daerah Rompin ini. Terletak kira kira 15 kilometer dar bandar Kuala Rompin, Pahang. Merupakan salah satu tempat dan destinasi untuk memancing ikan jenis air tawar khususnya spesis ikan Toman di sini.

Sumber: *https://www.umpan.com.my/trip-retro-syurga-toman-bujang-sepayang/*

Sumber: *https://www.facebook.com/menarikdirompin/videos/1587661294860343/?v=1587661294860343*

# 18. ANCAMAN PENCEMARAN HILIR SUNGAI KLANG

- SEJAK 2001
  Bangunan dibina di atas rizab sungai dan turut menyebabkan berlakunya aliran sisa toksid ke dalam sungai.
- Fader Auto Parts Supply Sdn Bhd
  Address: Lot 1858, Jln Goh Hock Huat, Kampung Sungai Pinang, 41400 Klang, Malaysia.
  Tel: +603-3342 2788, +603-3344 9901, +603-3344 9902, +603-3343 4682
  Fax: +603-3344 9368, +603-3344 9903


20:45
Used auto parts store
utoparts
Sdn Bhd
Mana buffer
Sungai??
2D
Google


20:45
Risda Fleet Sdn. Bhd
Seng Guan Auto
upply Sdn. Bhd
Jalan Kapar
FAS
Temporarily closed
Fader Autoparts
Supply Sdn Bhd
2D
Klang River
Google


20:59
3D
Google



2001
Legend
Google Earth
50 ft




20:45
V-Qeong Automobile
Sdn. Bhd
Klang River
2D
Google

# 19.PERMOHONAN PROSES PEWARTAAN KELUAR HUTAN SIMPAN DI TERENGGANU

- Kawasan Hutan Simpan Belara
- Keluasan : 7 ribu Ekar
- Tujuan: Ladang Hutan – Akan berlaku pembalakan“Cuci Mangkuk”
- Untuk ditanam Kelapa Sawit






2018 March 10:18



2018 September 10:18



2020 April 10:18



2020 May 10:18



"Kemerosotan alam sekitar dan kesannya kepada kesejahteraan negara dan sejagat tidak boleh lagi dipandang remeh.

Oleh itu, beta menyeru supaya Malaysia terus komited dalam usaha mengetengahkan isu alam sekitar dan perubahan iklim, termasuk mempergiatkan usaha untuk memulihara sungai, hutan, hidupan liar dan mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah kaca serta meningkatkan penggunaan tenaga boleh baharu.

Pemerkasaan undang-undang alam sekitar, aktiviti penguatkuasaan dan kerjasama erat semua pihak termasuk negara serantau perlu terus dilaksanakan."

**Titah Diraja**

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah**

Sempena
Pembukaan Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas
Pada
18 Mei 2020



@KementerianAlamSekitarDanAir kementerianalamsekitardanair @kasa_malaysia

# CADANGAN DARI PEKA MALAYSIA

- Pindaan kepada Kaedah Mahkamah 2012 bagi memasukkan Aturan 70A seperti dicadangkan dan telah dikemukakan kepada AG.
- Penubuhan Mahkamah Alam Sekitar khusus seperti di Sweden atau Tribunal Hijau seperti di India.
- Memberi insentif dan dorongan untuk memantapkan lagi Eko pelancongan dan pelancongan kajian.
- Mengezettkan 50% hutan kelas 1 dan 2 sebagai hutan taman negara.
- Memperkenalkan subjek baru bertemakan Alam Sekitar yang menjadi pengajian utama dalam korikulum sekolah
- Menambah kuota bagi lebih banyak NGO alam sekitar untuk menganggotai National Environmental Quality Council

# TUNTUTAN PEKA MALAYSIA KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN :

1. Kekalkan Hutan Simpan Ulu Muda sebagai Hutan Negeri yang telah diumumkan oleh YB Dato' Seri Mukhriz.
2. Tiada aktiviti Kuari dalam Hutan Simpan
3. Kekalkan Gua-Gua Batu Kapur Merapoh sebagai Hutan Simpan Kekal
4. Kekalkan tadbir urus Taman Negara Kuala Tahan dibawah Kerajaan Persekutuan (Tidak bersetuju membuat Pusat Teknologi Getah Wilayah Timur rm100juta di DUN Tahan)

5. Central Forest Spine yg berjumlah RM150juta harus dikaji semula. Terdapat Hutan2 Simpan telah dibuka Untuk Pembalakan sedang ianya adalah Hutan Konserversi HAIWAN LIAR (HS Bintang Hijau & HS Jemaluang)

6. Penambakan Laut di Pulau Pinang kepada 3 Pulau yang di reka Untuk membiayai Project Transport Master Plan - PIL 1 Kerajaan Negeri Pulau Pinang - SRS Consortium dengan Total Projek : RM46B.Sedangkan lebih lestari dengan menaik taraf Public Transport.

7. Membatalkan Penyahwartaan Hutan Simpan GAMBUT Kuala Langat Utara seluas 2300 ekar.
   Persoalan : sekiranya diganti dimanakah di Selangor Hutan gambut yg sama keluasan?

8. Isu LAMBAKAN Plastik Dunia di Kuala Langat yang tidak berkesudahan.

# Muhyiddin pengerusi mesyuarat Majlis Tanah Negara

| 18 November 2014



Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tanah Negara ke-70 di Bangunan Parlimen di Kuala Lumpur hari ini. - Foto Bernama

KUALA LUMPUR - Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini mempengerusikan mesyuarat ke-70 Majlis Tanah Negara (MTN) di bangunan Parlimen di sini. Antara yang menghadiri mesyuarat itu ialah menteri-menteri kerajaan Persekutuan yang berkaitan termasuk Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri G.Palanivel serta semua menteri besar dan ketua menteri. Mesyuarat itu, yang bermula

Premium Berita Edisi Global E-Paper Lifestyle Suara Sinar Video Khas

Isnin | 8 Jun 2020

bermula dari tarikh yang paling terdekat dari tarikh semakan sewa sebelumnya selaras dengan peruntukan Seksyen 101, Kanun Tanah Negara 1965. 'Kertas Cadangan Mengenai Impak Aktiviti Perlombongan dan Pengkuarian Terhadap Pengurusan Hutan Secara Berkekalan di Semenanjung Malaysia' turut dibincangkan pada mesyuarat itu. MTN bersetuju dengan kertas cadangan itu yang menyatakan supaya kerajaan-kerajaan negeri mengambil inisiatif untuk mengawal atau seboleh-bolehnya mengelak sebarang kelulusan aktiviti perlombongan dan pengkuarian dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal. Satu lagi kertas pertimbangan yang dibincangkan ialah 'Kertas Cadangan Berkenaan Impak Aktiviti Pembangunan Tanah Terhadap Pengurusan Hutan Secara Berkekalan Bagi Kawasan Hutan Paya Laut di Semenanjung Malaysia'. Melalui perbincangan itu, MTN bersetuju supaya kawasan Hutan Paya Laut dalam Hutan Simpanan Kekal sedia ada dikekalkan dan keluasan kawasan Hutan Simpanan Kekal ditingkatkan melalui pewartaan kawasan Hutan Paya Laut dalam Tanah Kerajaan. - Bernama

Sinar Harian | Premium | Berita | Edisi | Global | E-Paper | Lifestyle | Suara Sinar | Video | Khas

Isnin | 8 Jun 2020

>> EDISI > UTARA > Kedah komited pulihara khazanah alam

# Kedah komited pulihara khazanah alam

NURUL HIDAYAH HAMID | | 30 Mac 2019




Mukhriz(tengah) menunggu detik lampu dimatikan sempena Earth Hour.

ALOR SETAR - Kerajaan negeri Kedah komited dalam pemuliharaan khazanah alam di Hutan Simpan Ulu Muda walau kehilangan hasil hutan hingga mencecah puluhan juta apabila menghentikan aktiviti pembalakan di kawasan itu.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir berkata, kerajaan negeri mengambil keputusan menghentikan pembalakan di Hutan Simpan Ulu Muda pada tahun lalu.

Utusan Borneo Online

Sarawak | Sabah | Nasional | Dunia | Iban | Sukan | Ekonomi | Mahkamah

Halaman Utama » Nasional » Tengku Abdullah titah Hutan Merapoh dijadikan hutan simpan kekal

# Tengku Abdullah titah Hutan Merapoh dijadikan hutan simpan kekal




The Els Club Malaysia - Best Golf Coures In Malaysia
Play Only The Best, The Els Club Malaysia
elsclubmalaysia.com
VISIT SITE


2018-03-01T07:32:13+08:00



TINJAU: Tengku Abdullah (dua kanan) melihat air yang mengalir dari dalam Gua Padang Kawat ketika meninjau penerokaan Hutan Simpan Merapoh di Lipis semalam. — Gambar Bernama

“May God bless us for saving His creation”

Terima Kasih

PEKA
PERTUBUHAN PELINDUNG KHAZANAH ALAM